

KONGSI REZEKI, SANTUNI ASNAF FAKIR MISKIN, MUALAF

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Selasa, 10 Jun. - Majlis Ibadah Korban merupakan wadah penting dalam menghayati sirah pengorbanan Nabi Ibrahim 'Alaihissalam dan mengambil iktibar terhadap ketaatan Baginda dalam menjunjung perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi memperkukuh nilai pengorbanan dan semangat ukhuwah serta memperkembang syiar Islam terutama masyarakat Islam di luar bandar di samping meluahkan tanda kesyukuran atas limpahan nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-Nya, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengendalikan Majlis Ibadah Korban KHEU bagi Tahun 1446H / 2025M yang berlangsung di Dewan Serbaguna Persatuan Saudara-saudara Baharu Daerah Tutong (PESATU), Kampung Tanjong Panjang, Tutong, di sini.

Pada majlis tersebut, sebanyak dua ekor lembu dan seekor kerbau dikorbankan dan diagihkan kepada 81 asnaf fakir miskin dan 157 asnaf mualaf.

>> Muka 2



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa melapah daging korban pada Majlis Ibadah Korban KHEU bagi Tahun 1446H / 2025M yang berlangsung di Dewan Serbaguna Persatuan Saudara-saudara Baharu Daerah Tutong (PESATU), Kampung Tanjong Panjang, Tutong.

Mempelajari amalan terbaik dalam memenuhi keperluan masyarakat OKU

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Persidangan yang julung kalinya diadakan merupakan detik penting yang mencerminkan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam membina masyarakat yang lebih inklusif dan memperkasa Orang Kelainan Upaya (OKU).

Selain itu, ia mengetengahkan beberapa pencapaian utama dan usaha berterusan negara untuk memupuk inklusiviti, termasuk rangka kerja perlindungan perundangan dan sosial yang menyeluruh di NBD, khususnya melalui Perintah OKU 2021, yang mentakrifkan ketidakupayaan selaras dengan piawaian antarabangsa dan mewajibkan Pendaftaran Kebangsaan OKU.

Sehingga April 2025, sejumlah 2,724

individu telah didaftarkan serta Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya yang telah dipinda bagi membolehkan penerima yang layak menerima kedua-dua faedah Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad berucap demikian semasa Persidangan Kebangsaan Pertama bagi OKU di NBD yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Menurut Yang Berhormat lagi, selain pengenalan Elaun Penyedia Penjaga sebanyak BND250 sebulan turut diberikan sebagai pengiktirafan terhadap peranan penting penjaga dalam memastikan kesejahteraan OKU.

>> Muka 6

100 terima agihan daging korban Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BERAKAS, Isnin, 9 Jun. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi tidak ketinggalan dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Hari Raya Aidiladha dengan mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya.

>> Muka 5

Mesyuarat ketengahkan kepentingan hubungan ASEAN - Rusia

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

MOSCOW, PERSEKUTUAN RUSIA, Isnin, 9 Jun. - Perwakilan dari Jawatankuasa Keselamatan Negara, Negara Brunei Darussalam telah menyertai delegasi-delegasi dari 100 buah Negara di Mesyuarat 'International Meeting of High-Ranking Officials Responsible for Security Matters' yang berlangsung pada 27 hingga 29 Mei 2025 di National Centre Russia, Moscow, Persekutuan Rusia.

Delegasi NBD ke mesyuarat tahunan tersebut diketuai oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara.

Mesyuarat dimulakan dengan acara perasmian pada 27 Mei 2025 yang dipengerusikan oleh Setiausaha Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Sergei Shoigu diikuti dengan ucapan perasmian oleh Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

>> Muka 7



Berita Utama



IBADAH korban didik jiwa rasa kesyukuran

Muka 6



MENGASUH, mendidik sikap sabar terhadap apa jua ujian

Muka 11



UBD adakan majlis korban, akikah

Muka 13



KESELAMATAN makanan tanggungjawab bersama

Muka 20

Kongsi rezeki, santuni asnaf fakir miskin, mualaf



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima (kiri dan kanan).

bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Lubok Pulau, Daerah Tutong, Awang Muhammad Muiz Izzuddin bin Pauji.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan jemputan khas menyertai aktiviti bergotong-royong melapah, daging ibadah korban bersama ahli-ahli PESATU serta masyarakat setempat.

Daging Korban Sunat dibahagikan kepada tiga bahagian: satu pertiga (1/3) daripada daging korban sunat disedekahkan kepada fakir miskin; satu pertiga (1/3) untuk umat Islam; dan satu pertiga (1/3) untuk orang yang berkorban.

Majlis Ibadah Korban ini merupakan kesempatan kepada warga KHEU untuk berkongsi



Oleh : Pg. Sy'iaruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan menyantuni asnaf fakir miskin dan mualaf di Daerah Tutong yang secara tidak langsung mengeratkan lagi silaturahim dengan para penerima daging ibadah korban, penduduk-penduduk di Mukim Tanjung Maya dan sekitarnya serta ahli-ahli PESATU.

Acara diakhiri dengan Doa Selamat, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Muhammad Muiz Izzuddin.

Majlis Ibadah Korban KHEU

tahun ini dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Bahagian Dasar dan Strategik dan Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan di bawah KHEU.

Hadir sama, Penghulu Mukim Tanjung Maya, Awang Mohd. Azaman Shah bin Haji Sahari; Ketua Kampung Tanjung Maya dan Lubok Pulau, Awang Nur Azmil bin Haji Ismail; dan Ketua Kampung Bukit Udal dan Penapar, Awang Haji Masri bin Haji Abdullah.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta para pegawai dan kakitangan di bawah KHEU.

>> Muka 1

Hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri, Datin Norazimah binti Haji Ramlee; Setiausaha Tetap KHEU, Awang

Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, dan isteri; Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai; Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub selaku Penghulu Mukim Ukong; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri.

Atur cara dimulakan dengan

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	RABU	14	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
12	KHAMIS	15	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
13	JUMAAT	16	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
14	SABTU	17	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.48	6.33	7.48
15	AHAD	18	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
16	ISNIN	19	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
17	SELASA	20	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
31 25 °C	33 25 °C	34 26 °C	
Pekan Bangar			
31 25 °C	33 25 °C	34 26 °C	
Pekan Tutong			
31 25 °C	33 25 °C	34 26 °C	
Kuala Belait			
31 25 °C	33 25 °C	34 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

11 JUN 2025

Nasihat wajar dilakukan dengan tertib

SEBAIK-baik pemberi nasihat itu memiliki akhlak lemah lembut, bersopan dan berhemah untuk menyampaikan nasihat supaya mampu mengindahkan halwa telinga serta pertimbangan akal mereka yang menerima nasihat.

Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan Nabi Musa dan Harun untuk menemui Firaun. Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud, "Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut". (Surah Taha, ayat 43-44)

Memberi nasihat mesti memilih kaedah yang sesuai dan tepat mengikut suasana, keadaan serta keperibadian seseorang. Nasihat yang diberi mestilah bertujuan memperbaiki kesilapan yang dilakukan kerana Islam melarang perbuatan bermulut manis tetapi mengumpat serta mengutuk.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Bukanlah seseorang Mukmin itu yang menjadi pencaci, pelaknat, bukan yang suka berkata kotor atau yang lidahnya suka menyebut kata-kata yang hina". (Riwayat Bazzar dan Hakim)

Islam menggariskan adat dan tatacara untuk memberi nasihat antaranya memberi nasihat di tempat tertutup. Sebahagian ulama berkata, barang siapa menasihati seseorang dan hanya ada mereka berdua maka itulah nasihat yang sebenarnya.

Nasihat memiliki kedudukan istimewa dalam Islam kerana memberi nasihat dapat memantapkan jalinan persaudaraan sesama umat Islam. Apabila nasihat yang disampaikan seorang Muslim terhadap saudaranya kerana Allah Subhanahu Wata'ala, ia berupaya memperkuhi ikatan kasih sayang sesama saudara.

Bagaimanapun, nasihat yang diberi mesti atas niat yang tulus ikhlas kerana Allah serta mengharapkan keredaan-Nya. Nasihat yang diberikan mestilah berdasarkan ilmu. Orang yang berilmu pandai menjaga dirinya supaya masyarakat menghormati ilmu yang ada padanya.

Dalam apa juga keadaan, pemberi nasihat mestilah banyak bersabar terutama ketika orang yang dinasihati tidak bersedia menerima nasihatnya. Usaha mudah berputus asa kerana sifat Mukmin itu sentiasa melakukan sesuatu yang baik secara berterusan.

Menghormati orang lain sama seperti kita menghormati diri sendiri, maka hendaklah menghiasi peribadi sebaiknya. Keperibadian kita akan diukur melalui kasar atau lembutnya pengucapan kerana tutur kata lemah lembut itu lebih berkesan daripada bahasa kasar dan tidak sopan.

Agama sentiasa mengingatkan untuk berjaga-jaga dan berhati-hati dengan setiap lafaz ucapan supaya tidak mencederakan hati serta perasaan orang lain. Sebab itu ia wajar dilakukan dengan penuh tertib. Amalan pengucapan yang baik tersenarai dalam ciri akhlak yang terpuji. - **Ketua Penyuntingan (ZK)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

WARGAMAS KORBAN 9 EKOR KERBAU



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima (kiri dan atas).



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Isnin, 9 Jun. - Pertubuhan WARGAMAS mengadakan Majlis Pengagihan Ibadah Korban bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama, di sini.

Seramai 70 fakir miskin dan 63 peserta ibadah korban menerima pengagihan daging korban tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pengagihan daging kepada para penerima ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman dan datin.

Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS selaku Pengerusi Majlis, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don, dalam ucapan alu-aluan berkata, tujuan berkorban adalah untuk mendekatkan diri atau bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Jelasnya, salah satu hikmah berkorban adalah untuk meneladani hikmah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dalam menjalankan perintah Allah dengan keikhlasan, kesabaran, ketaatan dan ketakwaan.

Dalam konteks zaman teknologi

ini, ujarnya, ibadah korban tetap relevan sebagai pengingat pentingnya solidariti dan kepedulian sosial.

Beliau menambah, di tengah pelbagai tentangan sosial dan ekonomi, semangat korban menjadi jambatan untuk sama-sama membantu dan mempererat persaudaraan umat.

"Semoga pengertian yang tersurat dan tersirat di sebalik ibadah korban ini menjadi panduan berguna untuk *kitani* membina kekuatan bagi menjejaki kehidupan yang lebih baik, mulia dan sejahtera serta akan membawa kebahagiaan rohani dan jasmani kepada setiap individu," katanya.

Pada tahun ini sebanyak sembilan ekor kerbau dikorbankan oleh Pertubuhan WARGAMAS.

JPM adakan Majlis Ibadah Korban



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyampaikan agihan daging-daging korban pada Majlis Ibadah Korban Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Isnin, 9 Jun. - Sebanyak tiga ekor kerbau telah dikorbankan bagi Majlis Ibadah Korban Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Sehubungan itu, pengagihan daging-daging korban tersebut disampaikan kepada penerima-penerima yang terpilih terdiri daripada kalangan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penerima daripada golongan asnaf fakir miskin yang berdaftar dengan Majlis Ugama Islam Brunei

(MUIB) pada majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet, Aras 2, Bangunan JPM, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan-timbalan Menteri, jemputan-jemputan khas,

Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Grand Chamberlain, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran dan takbir beramai-ramai yang dipimpin oleh Kumpulan Dikir Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Majlis seterusnya diserikan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Aidiladha : Pengorbanan dan Kesejahteraan Emosi' yang disampaikan Penolong Ra'es (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk, yang antara lain menggariskan bahawa korban yang dilaksanakan menuntut kepada keikhlasan dan ketaatan.

Menurutnya, apa jua yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah yang terbaik di mana tujuan perintah itu adalah untuk memelihara jiwa kita. Melalui ibadah korban terangnya, inilah peluang untuk kita menghakis rasa sayang kepada dunia.

Majlis seterusnya diikuti dengan pengagihan daging-daging korban oleh tetamu kehormat bersama majlis. Majlis diakhiri dengan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



bacaan doa selamat yang dikepalai oleh Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin.

Ibadah korban adalah antara amalan-amalan sunat yang sangat dituntut (Sunat *Muakkadah*) yang seterusnya dapat melahirkan rasa syukur terhadap nikmat hidup yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, ibadah ini juga dapat memupuk sikap pemedulian dan keprihatinan terhadap masyarakat sekali gus mengeratkan lagi tali persaudaraan sesama umat Islam.

Majlis Ibadah Korban ini merupakan antara acara keagamaan tahunan JPM yang mana pada kali ini dikelola oleh Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang, JPM dengan

kerjasama JPA selaku pengendali bersama.



CERAMAH Khas disampaikan Penolong Ra'es (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

KEMENTERIAN PERTAHANAN ANJUR MAJLIS IBADAH KORBAN



Oleh: Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto: Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS. Isnin, 9 Jun. - Kementerian Pertahanan petang tadi mengadakan Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1446 Hijrah yang berlangsung di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garrison, di sini.

Sebanyak lapan ekor kerbau dan dua ekor kambing dikorbankan dan diagihkan kepada 150 penerima yang terdiri daripada warga Kementerian Pertahanan, termasuk 20 pesara tentera serta 30 saudara baharu.

Secara keseluruhannya, jumlah binatang korban pada tahun ini di semua perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) adalah sebanyak 36 ekor kerbau, dua ekor sapi dan 15 ekor kambing.

Hadir dan menyempurnakan pengagihan daging korban ialah Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Alirupendi bin Haji Perudin serta Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB; pegawai-pegawai dan anggota-anggota Kementerian Pertahanan.

Jemputan-jemputan khas yang turut diundang ialah Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat; Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin

Pengiran Haji Ali Hassan; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; dan Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu; imam-imam Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Damit, Kampung Madang dan Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop; serta Pemangku Penghulu Mukim Berakas 'A'.

TURUT hadir dan menyampaikan agihan daging-daging korban, Pemerintah ABDB dan Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban (atas kiri dan atas).



41 asnaf, fakir miskin terima agihan daging korban



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Masjid Kampung Kilanas

KILANAS. Isnin, 9 Jun. - Seramai 41 penerima dari kalangan asnaf dan fakir miskin Kampung Kilanas pagi tadi menerima agihan daging korban dalam Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha yang berlangsung di pekarangan Masjid Kampung Kilanas, di sini.

Majlis yang dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas dan Jemaah Masjid Kampung Kilanas berkenaan turut menyaksikan penyertaan seramai 28 peserta korban, terdiri daripada ahli jawatankuasa masjid berkenaan, yang telah bersama-sama menjayakan penyembelihan sebanyak empat ekor kerbau.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian daging korban ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Atur cara dimulakan dengan kehadiran petugas dan sukarelawan yang melaksanakan kerja-kerja pemotongan serta pembungkusan daging mengikut senarai pendaftaran peserta.

Turut menyemarakkan suasana ialah persembahan tausyeh oleh belia-belia Masjid Kampung Kilanas.

Majlis turut diserikan dengan Perasmian Wakaf Van Jenazah bagi Masjid Kampung Kilanas. Penyerahan replika kunci kenderaan tersebut telah disempurnakan oleh wakil pewakaf kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, sebelum diserahkan kepada wakil masjid sebagai simbolik penerimaan rasmi.

Yang Berhormat kemudiannya

YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima.

menabur bunga rampai ke van jenazah sebagai tanda penghargaan atas sumbangan yang amat bermakna kepada komuniti.

Acara juga diisi dengan bacaan doa selamat, takbir Hari Raya Aidiladha, serta bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Imam Masjid Kampung Kilanas, Awang Mohd. Redzuan bin Haji Marzuki selaku Pengerusi Majlis, yang mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

Program berkenaan bukan sahaja melaksanakan tuntutan agama, bahkan untuk membantu dan memudahkan penduduk kampung untuk melaksanakan ibadah korban dengan lebih sempurna dan teratur, selain untuk menggalakkan masyarakat kampung untuk mengimarahkan masjid dan sekali gus memupuk semangat kerjasama dan merapatkan silaturahim antara penduduk di Kampung Kilanas dan sekitarnya.

SEKITAR Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha yang berlangsung di pekarangan Masjid Kampung Kilanas.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika menerima replika kunci kenderaan berkenaan daripada wakil pewakaf.



100 TERIMA AGIHAN DAGING KORBAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



>> Muka 1

Sebanyak tujuh ekor kerbau dikorbankan yang disertai oleh 49 orang peserta terdiri daripada

pegawai dan kakitangan dan ahli-ahli keluarga Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya. Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Abdul Haadi bin Haji Ali Hassan dan diselajurkan dengan laungan takbir yang dipimpin oleh Awang Mohammad Hazwan Hanif bin Haji Junaidi.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menyempurnakan agihan daging-daging korban kepada 100 orang penerima yang terdiri daripada golongan asnaf kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Majlis ini merupakan aktiviti keagamaan yang diadakan setiap tahun oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam, di samping mengongsikan kegembiraan bersama golongan-golongan yang kurang berkemampuan.

Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Tabung Amanah Pekerja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyempurnakan agihan daging-daging korban kepada 100 orang penerima yang terdiri daripada golongan asnaf kawasan Daerah Brunei dan Muara (atas kiri). Manakala gambar atas, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Kementerian Pendidikan adakan Majlis Ibadah Korban



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

LAMBAK KIRI, Isnin, 9 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat

YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyampaikan pengagihan daging korban kepada salah seorang penerima.

hari ini mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri (SMLK).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan Surah Al-Fatihah dan bacaan Sayyidul Istighfar yang dipimpin oleh Pegawai Pendidikan dari Jabatan

Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Hazmi bin Haji Ahmad, diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Lelah Lillah' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan pengagihan daging korban kepada para penerima dan peserta, termasuk penerima afdal serta pelajar-pelajar SMLK dan Sekolah Rendah Dato Othman.

Majlis diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah oleh para pelajar SMLK dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti keagamaan yang diadakan setiap tahun bagi menyemarakkan lagi hari-hari kebesaran Islam, memupuk

keimanan, kesyukuran dan belas kasihan.

Selain itu, majlis juga bertujuan untuk memberi peluang kepada warga kementerian untuk beramal dan bersedekah kepada golongan yang memerlukan bagi memperkukuh nilai kemurahan hati dan pemedulian masyarakat melalui ajaran Islam.

Pada tahun ini, sebanyak lima ekor kerbau dikorbankan melalui penyertaan pegawai, kakitangan dan ahli keluarga dari pelbagai bahagian di bawah Kementerian Pendidikan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pemimpin-pemimpin sekolah, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Berkongsi kegembiraan bersama golongan kurang berkemampuan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Digadong, Bangunan KKBS hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Turut hadir, Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebanyak enam ekor kerbau telah dikorbankan pada tahun ini. Manakala seramai 303 penerima terdiri daripada penghuni Pusat

Penempatan Sementara (PPS) dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), anak-anak yatim dan warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menerima daging-daging korban berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar diketuai oleh Pegawai Kerja, Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SKIPPA), Awang Muhammad Afif bin Ali.

Majlis diserikan lagi dengan ceramah bertajuk 'Kelebihan Ibadah Korban' yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima.

Majlis diteruskan dengan penyempurnaan pengagihan daging korban oleh tetamu kehormat majlis dan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti dan program tahunan yang diungkayahkan oleh Badan Kebajikan dan Keagamaan, KKBS bagi menyemarakkan sambutan Hari-hari Kebesaran Islam, di



samping berkongsi kegembiraan bersama golongan-golongan yang kurang berkemampuan.

Majlis seumpama berkenaan

juga diadakan bagi mengeratkan ikatan ukhwa dan tali silaturahmi dalam kalangan warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

MEMPELAJARI AMALAN TERBAIK DALAM MEMENUHI KEPERLUAN MASYARAKAT OKU

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Tambah Yang Berhormat, menyediakan peluang pendidikan yang lebih inklusif, di mana NBD telah melancarkan Rangka Kerja Pendidikan Khas pada 2023 bagi memastikan pelajar berkeperluan khas mendapat akses pendidikan berkualiti secara adil, serta memperkenalkan Elaun Pendidikan Khas pada 2024 bagi sekolah-sekolah Pendidikan Khas yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan.

Selain itu kata Yang Berhormat, Pameran dan Forum Sumber Keperluan Khas yang pertama turut diadakan pada Disember 2024, dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kementerian Pendidikan dan Projek IMPIAN, yang berfungsi sebagai platform sehati untuk ibu bapa dan penjaga dalam mendapatkan maklumat mengenai laluan pendidikan, latihan kemahiran dan perkhidmatan sokongan di bawah Akta Pendidikan Wajib.

"Biasiswa, termasuk dalam bidang khusus seperti tahfiz, kini ditawarkan kepada individu berkeperluan khas sebagai komitmen terhadap pendidikan inklusif.

"Usaha mempromosi lebih banyak peluang pekerjaan, pada 2024, Program Jelajah Kerjaya JobCentre Brunei telah menawarkan lebih 100 peluang pekerjaan, termasuk jawatan untuk OKU sebagai satu langkah penting ke arah pekerjaan inklusif," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyeru tindakan lebih lanjut dan menggesa para majikan daripada semua sektor supaya lebih giat mengadakan lebih daripada program kesedaran dengan menyediakan latihan, menghapuskan halangan dan mewujudkan tempat kerja yang inklusif.

Menurut Yang Berhormat, agensi-agensi seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana menunjukkan contoh positif dalam pengambilan

OKU serta menyeru agar amalan pengambilan inklusif dijadikan norma.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Presiden Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Malai @Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah, yang menjelaskan bahawa persidangan berkenaan adalah sebagai sebuah platform untuk membincangkan kekuatan, perkhidmatan dan cabaran yang dihadapi oleh OKU, amalan terbaik antarabangsa, serta peranan negara dalam menyokong keperluan kitaran hidup OKU melalui langkah-langkah dasar.

Seterusnya, Pengerusi ASEAN Disability Forum (ADF) dan Bendahari Kehormatan International Disability Alliance (IDA), PT Lim Puay Tiak dalam uaputamanya menjelaskan, kepentingan peranan ADF sebagai platform advokasi dan penyelaras bagi organisasi OKU, serta kepentingan penyertaan suara OKU dalam semua keputusan.

Kerjasama antara organisasi serantau seperti ADF dan badan antarabangsa seperti IDA tambahnya, adalah penting untuk memperkasa OKU dan mencapai pembangunan yang inklusif.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah OKU Cemerlang kepada Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan); dan Anugerah OKU Berkhidmat kepada Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abd. Momin, Pusat Ehsan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan atas sumbangan mereka.

Sesi persidangan kemudian diteruskan pada sebelah petang dengan perbincangan dan perkongsian ilmu mengenai topik-topik yang berkaitan. Panel perbincangan pertama bertajuk 'Pendidikan Berorientasikan Pekerjaan dan Kerjaya' dikendalikan oleh Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Saleh dari Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas), Kementerian Pendidikan dengan ahli-ahli berpengalaman, iaitu Penolong

Profesor di Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Siti Norhedayah binti Haji Abdul Latif; Ketua Pusat Perkembangan Kanak-kanak, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abdul Hamid; dan Pengasas Parakerja dari Indonesia, Rezki Achyana, dengan menampilkan perbincangan mendalam mengenai bagaimana sistem pendidikan dapat diselaras dengan keperluan pasaran kerja, terutamanya bagi pelajar berkeperluan khas.

Perbincangan berkenaan menyuarakan kepentingan penyelaras sistem pendidikan dengan keperluan pasaran kerja bagi pelajar berkeperluan khas, serta pendekatan bersepadu antara sektor pendidikan, kesihatan, dan pekerjaan.

Sementara, panel perbincangan kedua bertajuk 'Melangkaui Pendidikan : Menangani Isu Semasa bagi OKU Selepas Pendidikan' dikendalikan oleh Dayang Nurul Huda dari Pusat Ehsan dan ahli-ahli panel daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran.

Mereka ialah Pegawai Kerja Sosial, dari Pusat Bahagia, di bawah JAPEM, Dayangku Khairah Wadihah binti Pengiran Haji Zainurin; Pengarah dan Penyelidik Utama di Great Lakes ADA Center, Amerika Syarikat, Robin Ann Jones; dan PT Lim Puay Tiak. Sesi berkenaan membincangkan cabaran dan penyelesaian bagi OKU pasca pendidikan formal, termasuk latihan vokasional, peluang pekerjaan, dan dasar inklusif.

Manakala panel perbincangan ketiga mengenai 'Amalan Terbaik Untuk Pendidikan Inklusif' dikendalikan oleh Presiden MKOKU, Malai @Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah dan ahli-ahli panel terdiri daripada Pemangku Pengarah JPKhas, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amzan dan Ketua Inklusif di International School Brunei (ISB), Suzie Rush yang berkongsi pengalaman masing-masing.

Sementara Ketua Kepelbagaian, Ekuiti dan Inklusi di Jerudong International School Brunei (JIS), Liz McCulloch dan Ku Geok Boon, dari Kementerian Pembangunan

Sosial dan Keluarga Singapura pula mengulas perspektif pakar mengenai amalan terbaik dalam pendidikan inklusif.

Manakala panel perbincangan keempat bertajuk 'Merapatkan Jurang Aksesibiliti : Bagaimana Teknologi Membantu dalam Pemerkasaan, Pendidikan dan Pekerjaan OKU' adalah sesi interaktif yang dikendalikan oleh Pegawai Pelajaran Unit Sensori Penglihatan JPKhas, Sheikh Mohamed Izzat bin Sheikh Haji Khalid, yang juga dari Ahli Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNAB).

Ahli panel pula ialah Pengarah Eksekutif, National Council for the Blind, Malaysia, Wong Yoon Loong; dan Pengarah dan Ketua Penyelidik Utama, Great Lakes American with Disabilities Act Centre, Robin Ann Jones. Perbincangan berkenaan menumpukan kepada peranan teknologi bantu dan bagaimana teknologi meningkatkan kebebasan, pendidikan, dan peluang pekerjaan bagi OKU.

Sementara panel perbincangan kelima bertajuk 'Latihan dan Pekerjaan : Adakah Tenaga Kerja Inklusif?' dikendalikan oleh Ayla binti Malai Haji Abdullah dari Brunei LNG bersama ahli panel iaitu Pengurus Besar Uniklearn, Meline Jaine; Ku Geok Boon dari Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga Singapura; dan Rezki Achyana. Sesi berkenaan membincangkan isu-isu berkaitan penyertaan individu berkeperluan khas dalam tenaga kerja dan berkongsi inisiatif untuk memajukan latihan dan peluang pekerjaan yang inklusif.

Sementara panel perundingan interaktif keenam mengenai 'From Insight to Action : Personalized Strategies for Implementing Accessible Tech Solutions' dikendalikan oleh Robin Ann Jones. Sesi berkenaan membincangkan pendekatan praktikal untuk mengintegrasikan teknologi bantu dan boleh akses dalam kehidupan seharian individu berkeperluan khas, termasuk dalam pendidikan, penyesuaian tempat kerja, dan sokongan untuk kehidupan berdikari. Sesi berkenaan ditujukan kepada pelbagai pihak berkeperluan termasuk individu berkeperluan khas, keluarga, pendidik dan majikan.

Persidangan berkenaan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada Persidangan Kebangsaan Pertama bagi OKU di NBD yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

dihasarkan menjadi platform untuk mempelajari amalan terbaik sama ada dari dalam mahupun luar negeri, menghasilkan laporan perbincangan dan cadangan dalam memastikan dasar-dasar negara lebih inklusif dan memberikan impak yang lebih besar dalam memenuhi keperluan masyarakat OKU.

Turut hadir ke persidangan berkenaan ialah Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD seperti Republik Turkiye, Amerika Syarikat, Republik Persekutuan Jerman, Kemboja, Republik Filipina, Jepun, Kanada, Republik Islam Pakistan termasuk wakil dari Kedutaan Diraja Arab Saudi, Kedutaan Diraja Thailand dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia; Setiausaha-setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan daripada KKBS dan organisasi-organisasi rakan kongsi.

Lebih 300 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam pembentukan akta dan dasar, pegawai sumber manusia sektor swasta, tenaga pengajar dari sekolah kerajaan, swasta, pemilik perniagaan, persatuan-persatuan dan perusahaan sosial yang melibatkan OKU juga hadir ke persidangan tersebut.

Persidangan Kebangsaan Pertama bagi OKU di NBD diadakan selama dua hari bermula hari ini hingga 11 Jun 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Persidangan berkenaan juga diadakan di bawah acara Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei MYCE) 2025.

Ibadah korban didik jiwa rasa kesyukuran



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie semasa mengagihkan daging-daging korban kepada penerima.

sepanjang hayat.

Jabatan Kehakiman Negara (JKN) dan Mahkamah-mahkamah, Jabatan Perdana Menteri (JPM) juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang mengambil tempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Perantis di Bawah Skim Perantisan Perkhidmatan Awam, Awang Mohammad Hafizur Rahman bin Awang Haji Majid dan diteruskan dengan ucapan daripada Pemangku Pengarah Kehakiman Negara, JKN, Awang Shahminan bin Haji Tengah selaku Pengerusi Bersama majlis berkenaan.

Majlis juga diserikan dengan laungan takbir dan Selawat Tafrijiyyah yang diketuai oleh Awang Abdul Hadi bin Ali, Awang Muhammad Azmi@Muhammad Asrin bin Haji Mohd. Jair dan Awang Muhd. Hafiz bin Md. Norariffin.

Sebanyak dua ekor kerbau dikorbankan pada tahun ini dengan penyertaan daripada pegawai dan kakitangan JKN, Mahkamah-mahkamah Sivil dan Mahkamah-mahkamah Syariah berserta keluarga.

Pada majlis tersebut, Yang Amat Arif / Yang Berhormat

Ketua Hakim Syar'ie seterusnya menyempurnakan pengagihan daging-daging korban kepada 20 ketua keluarga yang terdiri daripada kalangan penerima-penerima yang terpilih dari kawasan Mukim Lumapas, Mukim Kota Batu, Mukim Tamoi, Mukim Sungai Kebun dan Mukim Kilanas.

Pengagihan juga turut diagihkan kepada kakitangan JKN, Mahkamah-mahkamah Sivil dan Mahkamah-mahkamah Syariah yang terpilih.

Majlis yang diungkuayahkan merupakan acara tahunan yang berperanan sebagai wadah untuk para pegawai dan kakitangan JKN, Mahkamah-mahkamah Sivil dan Mahkamah-mahkamah Syariah serta keluarga dalam sama-sama melakukan ibadah korban yang sangat dituntut di samping menyemarakkan lagi Sambutan Hari Raya Aidiladha.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Jun. - Islam mensyariatkan ibadah korban pada setiap kali menjelang bulan Zulhijah bukan hanya sekadar menyembelih seekor kambing sahaja.

Seharusnya bagi setiap mukmin yang berkemampuan melaksanakan ibadah ini sebagai salah satu tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas pemberian rezeki kepadanya

WADAH DAKWAH, PEMERKASA NILAI MURNI DALAM KEHIDUPAN BERMASYARAKAT

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Sebanyak lima ekor sapi, lima ekor kerbau dan seekor kambing dikorbankan pada Majlis Ibadah Korban 1446 Hijrah anjuran bersama Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB).

Sehubungan dengan itu, pengagihan daging-daging korban kepada 95 ketua keluarga dan wakil penerima berlangsung di Ruang Legar, Bangunan Darulifta', JMK, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Pengagihan daging-daging korban disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, selaku tetamu kehormat dan Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid.



Juga hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Penolong-penolong Mufti; pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan daripada kedua-dua institusi.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RB selaku Pengerusi Bersama Majlis yang antara lain menjelaskan, kerjasama dengan JMK insyaaAllah akan membawa pelbagai kebaikan bukan sahaja dalam memastikan pelaksanaan ibadah ini selari dengan syariat, malah memberi peluang kepada warga syarikat untuk lebih memahami dan menghayati erti sebenar pengorbanan dalam Islam.

PENGAGIHAN daging-daging korban disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan dan Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid.

Menurutnya, ia juga membuktikan bahawa apabila institusi awam dan swasta berganding bahu, hasilnya bukan sekadar majlis yang teratur, tetapi satu wadah dakwah dan pemeraksa nilai murni dalam kehidupan bermasyarakat.

Beliau seterusnya menambah, konsep tolong-menolong dalam kalangan umat Islam disyariatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala melalui Al-Quran dan dimanifestasikan pula dalam ajaran serta sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pada tahun ini, seramai 257 asnaf dari Mukim Berakas 'A' dipilih untuk menerima agihan daging ibadah korban JMK dan RB.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pegawai Istibat Kanan, Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Daud.

Majlis Ibadah Korban yang dilaksanakan secara bersama berkenaan adalah merupakan acara tahunan antara kedua-dua institusi tersebut dan kesepakatan berkenaan telah lahir sejak 25 tahun yang lalu bermula pada tahun 1999 lagi.

YANG Berhormat Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban 1446 Hijrah anjuran bersama Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB).



جلبت كاجي چوچا بروني دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

**PANDU DENGAN PERLAHAN.
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN
AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Mesyuarat ketengahkan kepentingan hubungan ASEAN - Rusia



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa hadir pada Mesyuarat 'International Meeting of High-Ranking Officials Responsible for Security Matters' yang berlangsung pada 27 hingga 29 Mei 2025 di National Centre Russia, Moscow, Persekutuan Rusia.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

>> Muka 1

Delegasi NBD juga telah menyertai sidang plenary dan

pada hari yang sama, Yang Mulia Timbalan Menteri di JPM turut berpeluang untuk menyampaikan kenyataan pada Mesyuarat 'ASEAN-Russia Consultations of

the High-Ranking Representatives for 'Security Issues' yang dipengerusikan bersama oleh TYT Sergei Shoigu bagi mewakili Persekutuan Rusia dan Tuan Yang Terutama Laksamana Moe Aung bagi mewakili Republik Kesatuan

Myanmar.

Pada mesyuarat tersebut, Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM telah menyentuh mengenai kepentingan hubungan ASEAN - Rusia dalam mana NBD akan terus mengukuhkan jalinan kerjasama dengan Negara-negara Rakan Dialog ASEAN termasuk Persekutuan Rusia khususnya dalam bidang sekuriti.

Pada hari berikutnya, Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM telah menyertai sesi *roundtable discussion* mengenai isu Keselamatan Maklumat (Information Security) yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama S.V.Verishnin dan Timbalan Setiausaha Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama D.G. Gribkov.

Delegasi NBD turut berpeluang untuk mengadakan mesyuarat dua hala bersama Timbalan Menteri, Ministry of Internal Affairs, Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Igor Zubov.

Semasa mesyuarat dua hala tersebut, kedua-dua buah negara telah membincangkan peluang-peluang untuk



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM semasa berucap.

meningkatkan lagi hubungan kerjasama dalam membasmi gejala dadah haram yang merupakan salah satu bidang keutamaan yang termaktub dalam Memorandum Persefahaman di antara Jawatankuasa Keselamatan Negara, NBD dan Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia yang telah diperbaharui pada bulan April 2024.

Turut hadir di mesyuarat-mesyuarat tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Pengiran Muhammad Husaini bin PPLBI Pengiran Haji Alauddin; Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad dan Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail.

100 ORANG TERIMA AGIHAN DAGING KORBAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

MENGKUBAU, Selasa, 10 Jun. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) bersama dengan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) petang tadi mengadakan Majlis Pengagihan Daging-daging Korban sebagai salah satu kegiatan tahunan keagamaan dan khidmat masyarakat, bertempat di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1446 Hijrah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan juga selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Majlis diteruskan dengan penyampaian daging korban kepada 100 penerima yang terdiri daripada 53 buah keluarga kurang berkemampuan dari kawasan RPN Kampung Panchor Mengkubau. Daging korban berkenaan telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada para penerima lelaki, manakala Pengarah Urusan Perbadanan TAIB pula menyerahkan kepada para penerima wanita.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan daging korban kepada penerima pada Majlis Pengagihan Daging-daging Korban (kanan dan bawah-bawah kanan).



diketuai oleh Ketua Imam Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli.

Pada tahun ini, sebanyak lima ekor kerbau telah dikorbankan hasil sumbangan daripada Ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Penasihat Syariah, pihak pengurusan, kakitangan serta ahli keluarga mereka.

Di samping itu, lapan ekor kerbau tambahan telah disumbangkan oleh Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya untuk diagihkan kepada penerima kurang berkemampuan, para jemputan serta para kakitangan.

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB dan IITHSB; Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Ketua Kampung Subok; Pemangku Ketua Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau; Pemangku Ketua Kampung Kawasan 1 dan 3, Kampung Panchor Mengkubau; Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, Kampung Panchor Mengkubau; Pemangku Ketua Kampung Kawasan 5, Kampung Panchor Mengkubau; tetamu jemputan, pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya serta penduduk kampung sekitarnya.



9 ekor kerbau dikorbankan di Masjid SSBRPAD

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri semasa menyampaikan daging-daging korban kepada penerima pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis Madang hari ini

mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di masjid berkenaan. Majlis diselenggarakan dengan



PENGAGIHAN daging korban bagi orang ramai yang diadakan secara pandu lalu.

penyampaian daging-daging korban kepada peserta yang turut serta berkorban, diikuti dengan

pengagihan kepada golongan asnaf.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya menyempurnakan agihan ialah Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus juga selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah dan kemudian diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Sebanyak sembilan ekor kerbau telah dikorbankan yang disertai oleh seramai 63 peserta.

Sementara daging-daging korban diagihkan kepada seramai 36 golongan asnaf terdiri daripada penduduk Kampung Manggis 1, Kampung Manggis 2 dan Kampung Madang.

Manakala, pengagihan daging korban bagi orang ramai pula diadakan secara pandu lalu.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dibacakan dan dipimpin oleh Awang Razman bin Haji Ramlee.

MAJLIS IBADAH KORBAN TERUS DISEMARAKKAN



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



LAMBAK KANAN, Isnin, 9 Jun. - Majlis-majlis Ibadah Korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha giat dilaksanakan oleh pelbagai pihak di negara ini demi meraih ganjaran pahala dan fadilat yang terkandung di dalamnya. Sehubungan itu, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) bagi Daerah Brunei dan Muara juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Pengagihan Daging Ibadah Korban berlangsung di PKWE, Perumahan Negara Lambak Kanan, hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengagihkan daging-daging korban kepada penerima ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan juga selaku Ketua Kampung Belimbing. Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyerahkan pengagihan daging ibadah korban kepada 14 peserta ibadah korban dan 60 penerima bagi golongan yang berhak menerima. Sebanyak dua ekor kerbau dikorbankan untuk Majlis Ibadah Korban PKWE pada tahun ini. Adapun tujuan majlis diadakan bagi menyemai kesedaran terhadap tuntutan agama dan membantu golongan yang memerlukan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan Ahli PKWE dan penduduk kampung.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengagihkan daging-daging korban kepada penerima (atas kiri dan atas).



KUPU SB anjur Ihya 'Eid Al Adha



Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Jun. - Ibadah korban dapat mendidik hati dan jiwa untuk bersifat pemurah dan suka untuk membelanjakan harta pada jalan Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya akan menjauhkan mereka dari bersifat tamak, kedekut dan terlalu sayang kepada harta. Ibadah korban bukan sahaja dapat memupuk sikap pemedulian, perpaduan dan keprihatinan sesama masyarakat, malah dapat memberikan kebaikan dalam jiwa khususnya kepada orang yang menerima korban lebih-lebih lagi kepada golongan fakir dan miskin. Bagi memuliakan dan menyemarakkan sambutan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar mengadakan Ihya 'Eid Al Adha pagi tadi, di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani. Turut hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa mahasiswi KUPU SB. Pada tahun ini, sebanyak dua ekor kerbau dikorbankan dan seterusnya diagihkan dalam majlis berkenaan. Majlis diserikan lagi dengan Ceramah Khas Aidiladha yang disampaikan oleh Tenaga Akademik Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengagihkan daging korban kepada penerima pada Ihya 'Eid Al Adha (atas dan atas kiri). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Waljama'ah, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Muhammad Yusuf. Adapun objektif majlis ini diadakan antara lain untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui ibadah korban di samping memperingati pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam. Ia juga sekali gus meningkatkan semangat tolong-menolong dan bergotong-royong khususnya dalam kalangan mahasiswa mahasiswi dan warga KUPU SB.



جائزۃ فرانتھن ايكونومي دان سٹاتيسٽيڪ
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Mengendali Perasaan Marah

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PERASAAN marah apabila berlaku suatu yang tidak disenangi adalah satu sifat lumrah dan tabiat yang dimiliki oleh manusia. Hanya yang berbeza di kalangan manusia ialah bagaimana dia mengendali perasaan marahnya itu. Ada manusia yang dapat mengawal kemarahannya dan ada pula tidak dapat mengawal kemarahannya sehingga hilang kewarasan akal dan bertindak di luar kesedaran.

Kegagalan mengendali marah ini merupakan antara penyebab berlakunya keganasan rumah tangga, pergaduhan, tekanan mental dan emosi dan seumpamanya.

Menurut Imam al-Kirmani *Rahimahullah*, kemarahan berlaku apabila darah menggelegak di dalam hati untuk membalas dendam.

Marah mendatangkan kesan kepada fizikal dan batin seseorang. Dari segi fizikal, antara kesannya ialah mata dan mukanya menjadi merah, bengis dan tegang, suaranya menjadi kasar, tutur kata dan kelakuan menjadi tidak menentu dan tidak terkawal. Dari segi batin pula, kesannya ialah perasaan dengki, benci dan lain-lain perasaan yang negatif.

Kesan kemarahan pada batin ini boleh mengakibatkan seseorang itu melakukan perkara-perkara yang keji seperti menuturkan kata-kata penghinaan, melakukan tuduhan liar, kata-kata fitnah dan sebagainya. Selain itu, marah juga boleh mendorong seseorang melakukan jenayah seperti mencederakan orang lain, membunuh, merosakkan harta benda dan perbuatan-perbuatan buruk yang lain.

Kesan-kesan buruk yang timbul dari kemarahan ini boleh berlaku apabila orang yang marah itu tidak dapat mengendali perasaannya. Kegagalan mengendalikannya marah ini akan menyebabkan kehilangan pertimbangan akal yang waras. Apabila hilang pertimbangan akal yang waras, maka berlaku pelanggaran terhadap hukum-hukum Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Akhirnya, setelah kemarahannya reda dan pemikirannya kembali waras, dia akan merasa malu dan kesal terhadap perbuatan yang telah dilakukannya itu. Kerana terlalu mengikut kehendak hati yang sedang marah, dia terpaksa menanggung berbagai akibat buruk seperti putus hubungan dengan orang-orang yang dikasihi, dibuang kerja, dipenjara dan

sebagainya. Bahkan menjadi penyesalan kerana melanggar hukum-hukum syara'.

Mengawal marah merupakan satu akhlak terpuji. Banyak ayat-ayat al-Qur'an serta hadits-hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang memuji dan menganjurkan untuk mengendalikan kemarahan serta memaafkan orang lain. Antaranya firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah 'Ali-Imran ayat 133-134 :

Tafsirnya : Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa. (Iaitu) orang-orang yang membelanjakan (hartanya) pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahan serta memaafkan (kesalahan) orang. Dan Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan.

(Surah 'Ali-Imran ayat 133-134)
Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman lagi dalam surah asy-Syura ayat 37 :

Tafsirnya : Dan (juga bagi) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan-perbuatan keji, dan apabila mereka marah, mereka segera memaafkan.

(Surah asy-Syura : 37)

Daripada hadits pula, antaranya hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anh*u bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda :

Maksudnya : Orang yang kuat itu bukanlah yang (kuat dalam) beradu kekuatan. Sesungguhnya orang yang kuat itu ialah orang yang mampu mengawal dirinya ketika dia marah.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Imam al-Kirmani *Rahimahullah*, hadits ini menunjukkan bahawa perjuangan melawan hawa nafsu itu lebih berat daripada perjuangan melawan musuh. Oleh kerana itu, perjuangan melawan hawa nafsu adalah jihad terbesar dan keberanian yang hakiki.

Sewaktu seorang sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* meminta Baginda memberikannya nasihat, Baginda berulang kali menasihatkannya supaya tidak marah. Hadits ini diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anh*u dengan katanya :

Maksudnya : Bahawasanya seorang lelaki telah berkata kepada Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* : "Berilah aku nasihat". Baginda bersabda : "Jangan engkau marah". Maka dia (lelaki itu) mengulangi lagi (meminta nasihat) beberapa kali. Baginda (mengulangi jawapan Baginda dengan) bersabda : "jangan engkau marah".

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)


Menurut Imam al-Baidhawi *Rahimahullah*, dalam hadits ini lelaki tersebut meminta panduan dan nasihat daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* tentang perkara yang dapat menjauhkan dirinya daripada perkara-perkara yang buruk. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* kemudian menasihatnya supaya tidak marah kerana pada marah itu terdapat mudharat yang besar dan dosa yang banyak. Sekiranya seseorang itu mampu mengawal kemarahannya, nescaya dia telah berjaya mengalahkan musuhnya yang paling kuat.

Adapun perbuatan lelaki itu mengulangi permintaan nasihatnya menunjukkan beliau seakan-akan belum berpuas hati dengan jawapan pertama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Lalu dia mengulangi permintaannya dengan harapan agar beliau mendapat jawapan lain yang baginya lebih besar manfaatnya dan lebih sempurna dan lebih menyeluruh daripada jawapan pertama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* itu. Namun Baginda tetap sahaja mengulangi jawapan yang sama. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, perbuatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ini menunjukkan betapa besar dan menyeluruhnya manfaat nasihat Baginda "jangan engkau marah" itu.

Melihat kepada keburukan dan akibat kemarahan sepertimana yang dijelaskan di atas, maka di sini terserlah hikmah yang sangat besar di sebalik nasihat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* "jangan engkau marah" itu kerana dengan mematuhi nasihat Baginda itu dia dapat menolak berbagai kemudharatan yang boleh timbul akibat marah yang tidak terkawal.

Menurut Imam al-Khaththabi *Rahimahullah* pula, nasihat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* "jangan engkau marah" itu bukanlah semata-mata larangan daripada marah kerana marah itu adalah satu fitrah yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ciptakan pada diri seorang manusia dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskan sifat marah itu daripada fitrahnya. Adapun maksud larangan Baginda itu menurut Imam al-Khaththabi *Rahimahullah* membawa dua maksud, sama ada Baginda melarang daripada mendekati atau melakukan sesuatu perkara yang boleh menjadi punca kemarahan atau Baginda memerintahkan supaya mengelak atau menahan diri daripada melakukan perbuatan-perbuatan atau kata-kata yang dipengaruhi oleh rasa marah.

Sifat marah juga ada dimiliki oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Dalam sebuah hadits, Ibn 'Amr *Radhiallahu 'anh*uma meriwayatkan bahawa beliau mencatat setiap perkara yang didengarnya daripada Rasulullah



IRSYAD HUKUM

جاءت في كل حال
جان محمد بن عبد الله
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

Shallallahu 'alaihi wasallam untuk dihafalkannya. Walau bagaimanapun, kaum Quraisy melarangnya berbuat demikian kerana menurut mereka, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* hanyalah seorang manusia biasa yang ada kalanya bersabda ketika Baginda dalam keadaan redha (tidak marah) dan ada kalanya pula bersabda ketika Baginda dalam keadaan marah. Mendengar kata-kata kaum Quraisy itu, beliau pun berhenti dari mencatat sabda-sabda Baginda.

Ibn 'Amr *Radhiallahu 'anh*uma kemudian menceritakan perkara tersebut kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* lantas Baginda menunjukkan jari Baginda ke arah lidah Baginda seraya bersabda :

Maksudnya : Catatlah (apa sahaja yang aku sabdakan). Demi (Allah) yang jiwaku berada di dalam kekuasaanNya, tidak keluar daripadanya (lidahku) melainkan kebenaran.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Menurut Imam al-Ghazali *Rahimahullah*, dalam hadits di atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* tidak menafikan bahawa Baginda juga ada memiliki sifat marah. Walau bagaimanapun, perasaan marah Baginda itu tidak akan dapat mempengaruhi Baginda dan tidak akan mengeluarkan Baginda daripada jalan kebenaran.

Mu'az bin Anas al-Juhani *Radhiallahu 'anh*u pula meriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : Sesiapa yang menahan kemarahannya sedangkan dia berupaya melampiaskannya, Allah (*Subhanahu wa Ta'ala*) akan menyerunya pada hari Kiamat kelak di hadapan semua makhluk untuk memberinya pilihan pada memilih bidadari mana yang dia inginkan.

(Hadits riwayat Abu Daud, at-Tirmizi dan Ibn Majah)

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

SEDEKAH mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Islam. Ia bukan sekadar pemberian harta tetapi ia juga satu cerminan iman dan rasa syukur seorang Muslim terhadap Allah *Subhanahu Wata'ala*. Berbeza dengan zakat yang wajib, sedekah ialah amalan sukarela yang boleh dilakukan pada bila-bila masa dan dalam apa jua bentuk. Hadis riwayat Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahuanhu* bahawa Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda yang maksudnya, "Tangan yang di atas lebih baik dari tangan yang di bawah". Hadis ini jelas membuktikan betapa mulianya orang yang bersedekah ini di sisi Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Sedekah

Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* juga merupakan manusia yang sangat dermawan. Sepertimana hadis riwayat Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Ibn' Abbas *Radhiallahuanhu* yang maksudnya : "Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* adalah orang yang paling dermawan. Dan beliau lebih dermawan lagi di bulan Ramadan saat beliau bertemu Jibril. Jibril menemui setiap malam untuk mengajarkan Al-Quran. Dan kedermawanan Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* melebihi angin kencang yang bertiup". Walaupun Rasulullah bukan orang yang kaya, Baginda tetap bersedekah kepada mereka yang memerlukan. Jadi kita sebagai umat Islam patutlah mencontohi sifat Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* yang sangat pemurah itu.

Ramai individu menganggap bahawa amalan bersedekah ini merugikan tetapi ia sebenarnya mempunyai banyak kelebihan

dan manfaat di dunia dan di akhirat. Kelebihan bersedekah juga sering disebutkan dalam kitab Al-Quran dan juga hadis. Hal ini membuktikan betapa cintanya Allah *Subhanahu Wata'ala* terhadap amalan ini. Antara kelebihan-kelebihan orang yang bersedekah ialah mereka akan dimuliakan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala*, dosa mereka akan dihapuskan, pahala mereka akan dilipatgandakan, harta mereka tidak akan berkurang, mendapat naungan di hari akhirat, dijanjikan syurga dan dijauhkan api neraka.

Namun demikian, amalan bersedekah bukanlah dilihat dari berapa jumlah harta yang diberikan tetapi ia dilihat dari niat kita. Bersedekah dengan hati yang ikhlas boleh membuat sedekah yang dilakukan lebih berkat dan bernilai. Banyak atau sedikit sedekah yang dilakukan, jika perbuatan itu dilakukan dengan niat kerana Allah *Subhanahu Wata'ala* semata-mata, sedekah yang dilakukan akan mendatangkan berbagai kebaikan dan juga keberkatan. Ia lebih baik dan bermanfaat bagi kita untuk bersedekah dengan nilai yang sedikit tetapi

ikhlas dari bersedekah dengan nilai yang banyak tetapi riyak.

Justeru itu, sedekah bukan sahaja membantu mereka yang memerlukan, tetapi juga membersihkan harta kita serta memupuk rasa kebersamaan dan empati. Sama ada melalui wang, masa atau perbuatan baik yang kecil, setiap bentuk sedekah sangat bernilai di sisi Allah *Subhanahu Wata'ala*. Dalam dunia yang penuh dengan kesusahan dan ketidakseimbangan ini, sedekahlah yang menjadi peringatan penting tentang kemanusiaan dan keberkatan yang datang daripada sifat pemurah. Allah berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 yang terjemahannya : "Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiju benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui".

Mengasuh, mendidik sikap sabar terhadap apa jua ujian

GADONG, Selasa, 10 Jun. - Badan Ugama Islam (BUI), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang telah berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pesuruhjaya Polis, PPDB, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammad Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; Timbalan Penguasa Polis (DSP) Muhammad Aimi Safwan bin Zalidin selaku

Pengerusi BUI, pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, pegawai-pegawai serta anggota dan warga PPDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan laungan Takbir Hari Raya dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar dan kemudiannya diteruskan dengan pengagihan daging-daging korban oleh tetamu kehormat majlis kepada penerima.

Majlis berkenaan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Pada tahun ini, seramai 12 peserta menyertai ibadah korban yang melibatkan dua ekor sapi dan empat ekor kambing untuk dikorbankan.

Majlis Ibadah Korban berkenaan adalah bagi memperingati peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam yang dapat mengasuh dan mendidik diri untuk bersikap sabar terhadap apa jua ujian yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam kehidupan.

Ketahuilah, apa pun jua keadaan dan musibah yang berlaku, semuanya itu adalah ketentuan dan ketetapan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

PEMANGKU Pesuruhjaya Polis, PPDB, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengagihkan daging korban.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



CERAMAH KHAS SERIKAN MAJLIS IBADAH KORBAN KSSUP



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa mengagihkan daging-daging korban kepada penerima.

Pada majlis yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP, di sini, beliau turut menyatakan, melalui pengagihan daging korban, ia juga membina keharmonian sosial dan memperkukuh rasa kasih sayang serta keprihatinan dan pemedulian dalam masyarakat.

Orang yang berkorban ujan, memperoleh dua kemuliaan iaitu kemuliaan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan kemuliaan bersedekah serta berkongsi nikmat dengan sesama manusia.

Tegasnya lagi, umat Islam seharusnya menghayati ibadah korban bukan hanya sebagai satu bentuk ritual, tetapi juga sebagai pendidikan rohani dan sosial yang membentuk insan bertakwa dan masyarakat yang penyayang.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, KSSUP, Dayang

PENOLONG Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, KUPU SB, Awang Hilman bin Haji Salim semasa menyampaikan ceramah.

Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Hilman diikuti dengan ceramah khas.

Majlis diteruskan dengan pengagihan daging-daging korban kepada seramai 60 orang yang berhak menerima yang terdiri daripada kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, yang

mana ia merupakan antara acara keagamaan tahunan sebagai tanda bersyukur atas segala nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu juga, ia adalah bagi memupuk sikap pemedulian dan keprihatinan sekali gus mengeratkan silaturahmi sesama umat Islam.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta Jabatan-jabatan di bawahnya.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Ibadah korban mengandungi hikmah yang mendalam sebagai simbol keimanan, ketakwaan dan kesyukuran.

Ia memperingati ketaatan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam serta mengajar erti pengabdian yang sejati kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Korban bukan sekadar penyembelihan haiwan, tetapi juga sebagai lambang ketundukan dan penyerahan diri kepada Allah

Subhanahu Wata'ala.

Demikian antara inti pati ceramah khas bertajuk 'Hakikat Pengorbanan : Ibadah dan Keprihatinan' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim semasa Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya.

KHEDN adakan Majlis Ibadah Korban



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN semasa menyampaikan daging korban kepada penerima.

Dalam Negeri (KHEDN).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Takbir Hari Raya sebanyak tiga kali yang diketuai oleh Penolong Kaunselor Jabatan Penjara, KHEDN, Awang Fariszal bin Ali.

Turut menyerikan majlis ialah ceramah yang bertajuk 'Pengorbanan dalam Islam' yang disampaikan oleh Pegawai

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Perkembangan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sallehuddin.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penyampaian daging korban kepada peserta-peserta Ibadah Korban dan seterusnya kepada seramai 50 penerima dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Hadir sama di majlis tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ketua-ketua Jabatan serta pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.



PEGAWAI Perkembangan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sallehuddin semasa menyampaikan ceramah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya

Aidiladha 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) selaku pengendali majlis bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, Kementerian Hal Ehwal

LOC MEMPERLUAS PERSPEKTIF AKADEMIK, PROFESIONAL, BUDAYA



MAJLIS penandatanganan Letter of Collaboration (LoC) berlangsung di Hotel Radisson dan disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat.

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto: Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Singapura telah melakar satu pencapaian penting dalam memperkukuhkan kerjasama serantau dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional melalui penandatanganan Letter of

Collaboration (LoC), hari ini.

Majlis penandatanganan yang berlangsung di Hotel Radisson, di ibu negara tersebut disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad selaku tetamu kehormat.

LoC itu ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat) IBTE, Munirah' Athirah binti Dato Paduka Haji Othman bagi

pihak IBTE dan mewakili ITE ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Ang Kiam Wee.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat) IBTE, dalam ucapannya menjelaskan, penandatanganan LoC tersebut bukan sekadar perjanjian rasmi tetapi juga merupakan komitmen yang diperbaharui terhadap visi bersama iaitu visi untuk melahirkan graduan yang bersedia menghadapi masa hadapan, membentuk pendidik yang berdaya saing di peringkat global, dan mendorong inovasi institusi dalam pendidikan teknikal dan vokasional.

"Kerjasama ini diasaskan atas nilai-nilai bersama iaitu kecemerlangan, keterangkuman, keupayaan menyesuaikan diri, dan inovasi.

"Menerusi kerjasama ini, kami berhasrat untuk memperkukuh keupayaan bersama dalam melaksanakan program yang responsif dan relevan dengan industri, sambil mewujudkan laluan untuk pembangunan pelajar dan

kakitangan di kedua-dua institusi," katanya.

Matlamat utama LoC berkenaan adalah untuk mewujudkan dan memperkukuhkan kerjasama antara IBTE dan ITE Singapura dalam bidang penyelidikan, pendidikan dan latihan yang berkepentingan bersama.

Penekanan khusus diberikan kepada inisiatif mobiliti pelajar dan kakitangan yang bertujuan memperluas perspektif akademik, profesional dan budaya.

Kerjasama ini turut merangkumi pertukaran antara institusi, penganjuran simposium, persidangan, kursus pendek serta mesyuarat bersama dalam bidang penyelidikan.

IBTE dan ITE juga berhasrat untuk berkongsi maklumat mengenai pembangunan pengajaran, pembangunan pelajar dan penyelidikan, serta meneroka peluang dalam latihan, aktiviti R&D dan perkongsian pengetahuan.

Sebelum majlis tersebut, delegasi

dari ITE Singapura telah mengadakan lawatan ke Sekolah Penerbangan di Kampus Sultan Saiful Rijal di Berakas.

Lawatan tersebut turut menampilkan sesi perkongsian bersama Pihak Pengurusan Kanan IBTE, pembentangan oleh sekolah-sekolah dan unit-unit IBTE, serta lawatan ke fasiliti latihan penerbangan.

Selesai menandatangani perjanjian LoC, delegasi ITE dibawa melawat ke Superfish Growers yang terletak di Taman Agroteknologi Tungku.

Syarikat tempatan ini dikenali dengan pendekatan inovatifnya dalam pertanian, termasuk *indoor vertical strawberry farm* pertama di negara ini.

Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama IBTE dan ITE Singapura dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan teknikal, memperkukuh hubungan serantau, serta melahirkan tenaga kerja mahir yang bersedia menghadapi keperluan industri masa kini.



Berita dan Foto : Ihsan Nazrie Saie

MENGKUBAU, Isnin, 9 Jun. - Majlis Ibadah Korban dan Aqiqah sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1446H / 2025M telah diadakan dengan jayanya di Masjid An-Na'im,

Kampung Panchor Mengkubau, kelmarin.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir (AJK) masjid berkenaan ialah Timbalan

Masjid An-Na'im anjur Majlis ibadah korban, akikah

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengagihkan daging korban dan aqiqah kepada penerima.

Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mislé bin Haji Abdul Karim.

Atur cara dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan alu-aluan daripada Muhammad Saifullah bin Haji Rosli selaku Pengerusi AJK Takmir Masjid An-Na'im yang mana beliau menyatakan harapan agar program ini dapat menjadi wadah

untuk mempertingkatkan ketakwaan serta menyuburkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Sebanyak enam ekor kerbau telah dikorbankan pada majlis ini, hasil sumbangan peserta korban dan akikah. Daging korban dan akikah ini telah diagihkan kepada 36 peserta serta asnaf-asnaf terpilih di kawasan kampung, sebagai tanda syukur dan keprihatinan masyarakat terhadap mereka yang memerlukan.

Majlis ini merupakan kali pertama dianjurkan di Masjid An-Na'im, dan akan menjadi program tahunan sempena Hari Raya Aidiladha. Ia bukan sahaja memperkukuhkan hubungan silaturahim sesama penduduk,

tetapi juga menggalakkan amalan berkorban sebagai ibadah yang besar ganjarannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis diakhiri dengan doa agar para jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang kini berada di Tanah Suci dipermudahkan segala urusan, diberikan kesihatan yang baik serta memperoleh Haji Mabrur.

Turut hadir, Pengarah Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok selaku Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im serta Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Kawasan 1, 2, 3, 4 dan 5, RPN Kampung Panchor Mengkubau dan penduduk kampung.

Ibadah korban giat dilaksanakan

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kawasan 2 Rancangan Perpindahan Negara Lambak Kanan



LAMBK KANAN, Isnin, 9 Jun. - Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perpindahan Negara (RPN) Lambak Kanan mengadakan Majlis

Ibadah Korban, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim yang



JAWATANKUASA Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perpindahan Negara (RPN) Lambak Kanan bergambar ramai bersama tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (atas). Manakala gambar kiri, tetamu kehormat mengagih-agihkan daging korban kepada peserta yang terpilih.

seterusnya mengagih-agihkan daging korban kepada peserta dan golongan fakir miskin melalui

kaedah pandu lalu.

Majlis yang berlangsung di kediaman Ketua Kampung

Kawasan 2 RPN Kampung Lambak Kanan itu diserikan lagi dengan Takbir Hari Raya Aidiladha.

UBD ADAKAN MAJLIS KORBAN, AKIKAH



PENOLONG Naib Canselor (Perhubungan Industri dan Pembangunan Keusahawanan) UBD, Dr. Haji Masairol bin Haji Masri semasa menyempurnakan pengagihan daging korban dan akikah kepada penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini menganjurkan Majlis Korban dan Akikah sempena Sambutan Aidiladha 1446 Hijrah bertempat di University Start-Up Centre, UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Penolong Naib Canselor (Perhubungan Industri dan Pembangunan Keusahawanan), Dr. Haji Masairol bin Haji Masri.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Ugama, Haji Muhammad Dzulhilmu Haji Moharefandi.

Pada majlis tersebut, pengagihan daging korban dan akikah disempurnakan oleh tetamu kehormat dan seterusnya dilaksanakan oleh Penolong Naib Canselor UBD.

Majlis ini merupakan anjuran bersama oleh Jawatankuasa Keagamaan UBD, Bahagian Hal

Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SEKITAR Majlis Korban dan Akikah sempena Sambutan Aidiladha 1446 Hijrah bertempat di University Start-Up Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Ehwal Pelajar dan Persatuan Mahasiswa UBD (PMUBD) serta dihadiri oleh kakitangan, pelajar dan tetamu jemputan.

UBD terus memupuk nilai-nilai Islam dan penglibatan komuniti melalui acara seperti ini, selaras dengan komitmennya terhadap

pertumbuhan rohani, kasih sayang dan tanggungjawab sosial dalam komuniti kampus.

Untuk maklumat lanjut mengenai acara akan datang

atau sumber pelajar, sila layari laman sesawang rasmi UBD di ubd.edu.bn atau Instagram di [@studentaffairsbd](https://www.instagram.com/studentaffairsbd).

MPK Berserumpun Kampung Panchor adakan gotong-royong ibadah korban



MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri telah mengadakan majlis gotong-royong iaitu memucang-mucang melapah melaksanakan ibadah korban di kediaman Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua Kampung Kawasan 4 RPN kampung tersebut (atas dan bawah).



Siaran Akhbar dan Foto : MPK Berserumpun Kampung Panchor

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Jun. - Ibadah korban menjadi amalan sunat yang sangat dituntut sebagai tanda syukur seorang hamba atas nikmat yang diberikan di samping mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam hubungan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK)

Berserumpun Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri telah mengadakan majlis gotong-royong iaitu memucang-mucang melapah melaksanakan ibadah korban di kediaman Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua Kampung Kawasan

4 RPN kampung tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran serta laungan Takbir Raya beramai-ramai sebelum memulakan acara melapah.

Pada majlis berkenaan, daging-daging korban telah diagihkan kepada peserta korban dan asnaf-asnaf secara pandu lalu yang disampaikan Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad juga selaku Pengerusi Majlis.

Semangat gotong-royong yang ditunjukkan oleh para penduduk kampung sangat terserlah. Diharapkan budaya memucang-mucang ini akan terus dikekalkan dalam menyatukan hubungan dan persefahaman dalam kalangan masyarakat.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti tahunan MPK sebagai asas bagi merapatkan silaturahmi dan mengekalkan perpaduan di samping merebut pahala yang berlipat ganda.

Belia Berbakti Group, Projek Bina Bakti beri sumbangan



PENASIHAT Khas Projek Bina Bakti, Dayang Fatimah binti Haji Jamil semasa menyampaikan sumbangan barangan asasi dan daging korban kepada penerima.

Siaran Akhbar dan Foto : Belia Berbakti Group

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Jun. - Belia Berbakti Group dengan kerjasama Projek Bina Bakti baru-baru ini mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Barangan Asasi dan Daging Korban yang berlangsung di kediaman Ahli Penasihat di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau.

Hadir bagi menyerahkan sumbangan tersebut ialah Penasihat Khas Projek Bina Bakti, Dayang Fatimah binti Haji Jamil.

Seramai 18 penerima terdiri daripada ibu tunggal, mualaf, warga emas telah menerima sumbangan asasi tajaan D'Sunlit Sendirian Berhad dan diteruskan juga dengan penyerahan daging korban kepada anak-anak yatim dan golongan yang tertentu.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Ketua Kampung Kawasan 5 RPN Panchor Mengkubau, Haji Hairul Azri bin Haji Salamat; Pengerusi 2 Projek Bina Bakti, Muhammad Amirul Aqil bin Abdullah Ang dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Belia Berbakti Group, Awang Abdul Aziz bin Haji Moktal.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
IV & V Sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM013 / 2025

Bil. Projek:
2025DBSBM / PDB.03

Nama Projek:
Membaiki Kerosakan Bangunan
Perumahan Balai Polis Berakas

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
17 Jun 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 Julai 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM011 / 2025

Bil. Projek:
2025DBSBM / JPE.02

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Dan
Pengubahsuaian Barik Elektrik
Gadong, Jalan Gadong Blok A, B
& C (JKR No. 401, 402, 403) –
Fasa 2 (Blok A & B)

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
24 Jun 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar

Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II dan III sahaja

Kategori:
[KA01 sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
17 Jun 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
24 Jun 2025. (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam:
2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 022 / 2025

Nama Projek:
Membekal Dan Memasang Paip
MDPE Berukuran 355mm Bagi Paip
Inlet Dan Outlet Tangki SENTOSA

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JPI / 03 / 2025

Tajuk:
To Supply And Delivery One (1)
Unit SUV Motor Vehicle To
Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 08 / 2025

Tawaran:
Kerja-Kerja Memasang Baru
Fingertec Security Bertempat
Bahagian Perlesenan Dan
Penguatkuasaan Tingkat 2,
Jabatan Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 37 / 2025

Tawaran:
Kerja-Kerja Memasang Lampu
Solar Bertempat Tapak Gerai
Jualan Jalan 17, RPN Lambak
Kanan, Mukim Berakas 'B', Negara
Brunei Darussalam.

Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 39 / 2025

Tawaran:
Kerja-Kerja Membaiki Gutter Dan
Atap Bertempat Pasar Pantai
Jerudong, Mukim Sengkurong,
Negara Brunei Darussalam.

Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 42 / 2025

Tawaran:
Rental Of Arabic Tent And Scallop
Bagi Majlis Menaikkan Dan
Pengagihan Bendera Negara
Brunei Darussalam Sempena
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang
Ke-79 Bagi Tahun 2025

Tarikh Tutup :
Selasa, 24 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 11

Tajuk Tawaran:
Production Of Self-Drive Tourism
Brochure

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 26 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran 1
Kerja-Kerja Pemotongan
Rumput Bagi Kejuruteraan Dan
Pemeliharaan Aset Bagi Tempoh
Dua 24 Bulan (2 Tahun)
AME / 2025-2026 / SH-05 / R
(Kelas II Atau Keatas)

Tajuk Tawaran 2
Perkhidmatan Pembersihan
Bangunan Kawalan Lalu Lintas
Udara Bagi Tempoh 24 Bulan
(2 Tahun)
AME / 2025-2026 / SH-17 / R
(Kelas II Atau Keatas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
11 Jun 2025, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
24 Jun 2025.
Selasa.

Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
25 Jun 2025, Rabu.

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / S / JKSH / BTI / 01 /
2025-2026

Tajuk Sebut Harga:
The Supply And Delivery Of
Secure Socket Layer (SSL)
Certificates For The Ministry Of
Primary Resources
And Tourism's Websites

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 3 Julai 2025
Jam 2.00 Petang.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



1. Bilangan Tawaran:
01 / BBS / SH / 2025-2026

Keterangan Projek:
Remove Of Litters During And
After Majlis Ramah Mesra
Bersama Rakyat At Padang
Bandaran And Dewan
Persidangan Kuala Belait
Sempena Sambutan Perayaan
Ulang Tahun Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-79 Tahun
Peringkat Daerah Belait,
Tahun 2025

2. Bilangan Tawaran:
02 / BBS / SH / 2025-2026

Keterangan Projek:
Remove Of Litters At Gerai
Perayaan Kawasan Tudung Saji
Jalan Setia Diraja Sempena
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang



Ke-79 Tahun Peringkat Daerah
Belait, Tahun 2025

3. Bilangan Tawaran:
01 / BBS / DBBPJBKBS /
2025-2026

Keterangan Projek:
Supply And Delivery Of Dust
Bin For Bahagian Perkhidmatan,
Jabatan Bandaran Kuala Belait
Dan Setia

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 10 / 2025

Tajuk Tawaran:
Term Contract For Grass Cutting
Under Jabatan Daerah Belait For
A Period Of Time Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
17 Jun 2025 (Selasa)



1. Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 06 / 2025

Tajuk Tawaran:
Term Contractor For Grass Cutting
At Certain Area In Belait Under
Jabatan Daerah Belait For A
Period Of Time Of One (1) Year

2. Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 07 / 2025

Tajuk Tawaran:
One (1) Year Term Contract Of
Grass Cutting At Certain Areas In
Seria, Sungai Liang And Labi
Under Jabatan Daerah Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
17 Jun 2025 (Selasa)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
II & III sahaja

Kategori :
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM009 / 2025

Bil. Projek
2025DBSBM / PDB.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Bangunan Blok B (JKR 1726),
Kompleks Pasukan Gerak Khas,
Kompleks Ibu Pejabat Pasukan
Polis Diraja Brunei, Gadong

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas:
V sahaja

Kategori:
B01 & KPB02

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM010 / 2025

Bil. Projek
2025DBSBM / SHENA.01

Nama Projek:
Bina Dan Reka Bentuk Bagi Ibu
Pejabat Pihak Autoriti
Kebangsaan Keselamatan,
Kesihatan Dan Alam Sekitar
(SHENA) Di Bangunan Blok B2
Flat Perumahan Kerajaan
Kg Beribi

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
17 Jun 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan
Dan Tajuk Tawaran :**
MINDEF / DFA / FY2025 / DITU /
TA / 01
Pembelian 'Huawei Storage Area
Network (SAN)'

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 17 Jun 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Jun 2025.
2.00 Petang.



Bilangan Dan Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 / LOG /
TA / 05

Pembelian Small Recovery
Flatbed (Multipurpose Recovery
Vehicle) Bagi Kegunaan Tentera
Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
**Selasa, 17 Jun 2025,
Jam 2.00 Petang.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Jun 2025.
2.00 Petang.



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.01 / ADM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Pelbagai Barang
Cetak Bagi Jabatan
Perbendaharaan, Kementerian
Kewangan dan Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam:
5 Julai 2025 - Sabtu
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga, Jabatan
Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block



Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive, Jalan
Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran**
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of Light Duty
Pick-Up Truck For Department Of
Electrical Services (Recall)

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 028 / 2025

Tarikh Ditutup:
24 Jun 2025. (Selasa)
Jam 2.00 Petang.

Boleh Diperoleh Daripada:

Kaunter Unit Tawaran
dan Sebut Harga
Ibu Pejabat, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Tempat Tutup:
TENDER BOX
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Basement Two (B2),
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Kompleks Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Syarikat-syarikat
Yang Berdaftar Dengan
• Kategori ROCBN (Agen / Penjual
Kenderaan Bermotor Baharu)

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**PERATURAN
PENGIKLANAN**
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 010 / 2025

Tajuk:
Non-Technical Maintenance Of
11kv Outdoor Substation For
Temburong District

Tarikh Tutup:
24 Jun 2025, Selasa.
Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 092 / 2024

Tajuk:
Reinstatement Of Earthing
Systems In Temburong
and Brunei Muara District

Tarikh Tutup:
24 Jun 2025.
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.



**Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi**

Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 6.2024
GOV.BN 2.0, Pusat
Kebangsaan E-Kerajaan
(EGNC),
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi (MTIC)

**Bayaran Yuran Tawaran
dan E-Dokumen Tawaran:**
BND2,005.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran
Dilanjutkan kepada:**
Selasa, 24 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



Iklan Tarikh Tutup Lanjutan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 1.2025
DATA
ANALYTICS-AS-A-SERVICE
(DAaaS),
Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan (EGNC),
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
(MTIC)

Bayaran Yuran Tawaran:
BND1,005.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup
Tawaran Dilanjutkan
Sehingga:**
Selasa,
17 Jun 2025.



**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 08 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Penyewaan
Ruang-Ruang Gerai Di Bangunan
Milik Jabatan Bandaran Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 25 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran :
JBT / S / 07 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membaiki Kerosakan Kecil dan
Mencat Baharu Blok D (JKR 924)
Di Kompleks Pasarneka
dan Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 9 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Pengangkutan
Bas Sewa Khas 15 Muatan dan
22 Muatan Di Bawah Kawalan
Bahagian Kenderaan
dan Pengangkutan,
Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan**

**1. DA / JKSH / 35 / 2025 / 2026
[BKP-MEI-2025]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Pengangkutan Bas Sewa Khas
15 Muatan Sebanyak
Satu (1) Buah Bagi:
Sekolah Rendah Pehin
Dato Jamil, Kluster 1,
Daerah Brunei Muara,
Di Bawah Kawalan Bahagian
Kenderaan dan Pengangkutan,
Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

**2. DA / JKSH / 36 / 2025 / 2026
[BKP-MEI-2025]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Pengangkutan Bas Sewa Khas
22 Muatan Sebanyak
Dua (2) Buah Bagi:
Sekolah Rendah Pehin
Dato Jamil, Kluster 1,
Daerah Brunei Muara,



Di Bawah Kawalan Bahagian
Kenderaan dan Pengangkutan,
Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

**3. DA / JKSH / 37 / 2025 / 2026
[BKP-MEI-2025]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Pengangkutan Bas Sewa Khas
15 Muatan Sebanyak
Dua (2) Buah Bagi:
Sekolah Rendah Semabat,
Daerah Temburong,
Di Bawah Kawalan Bahagian
Kenderaan dan Pengangkutan,
Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 14 Jun 2025.
(Jam 9.00 Pagi)



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
05 / 2025 / KKBS / PPB / 01

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal 24 Bulan Bagi
Pembekalan Pakaian Sukan dan
Seluar Sukan Pelatih-Pelatih



Pusat Pembangunan Belia,
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan, Jalan Utama Tanah
Jambu, Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Khamis,
12 Jun 2025.



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
III / IV / V

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:
2 Jun 2025.
(Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
17 Jun 2025 (Isnin)

Tarikh Tutup Pada:
1 Julai 2025 (Isnin)
Sebelum jam 9.00 Pagi

(Di Tutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan Terbang
Lama Berakas, Bandar Seri
Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BTR/ T012 / 2025
Penyelenggaraan Landskap Di
Taman Rekreasi Menteri Besar
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BTR / T012 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Iklan Tarikh Tutup Lanjutan

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
(RQ/05-2025) JAPEM / 2.3 / 4 /
03

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Makanan
Berbungkus (Packed Meal) Bagi
Pelatih-Pelatih Pusat Bahagia Eric
Goh Kuala Belait Untuk Tempoh
12 Bulan
(Pengiklanan Semula)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



Keterangan Projek:
Three (3) Years Term Contract
For Building Cleaning Services
1. Gerai Kompleks Sri Selera
Seria, Jalan Bunga,
Kemantin Seria
2. Gerai Bunga Simpung
Kuala Belait, Jalan Bunga Simpung,
Kuala Belait
3. Pasarneka Kuala Belait,
Jalan Pasarneka Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I & II Kategori SO2)

Bilangan Tawaran:
BBS / TOC / BCS (7) /
2023 – 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 17 Jun 2025



Bilangan Sebut Harga:
APM.2024-2025 / SH-03(R3)


Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Fabricate And Install
Heavy Duty Carpet At Immigration
Arrival Hall And Sterile Corridor,
Brunei International Airport

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 11 Jun 2025.
Jam 2.30 Petang.

Yuran Sebut Harga:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Dokumen Sebut Harga Boleh
Diperoleh Dari:
Seksyen Kewangan,
Aras Bawah, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam

Pada hari-hari bekerja
berikut:
Isnin - Khamis:
8.30 Pagi – 11.00 Pagi
1.30 Petang – 2.30 Petang
Sabtu:
8.30 Pagi – 10.30 Pagi



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam
Kelas: III atau IV
Kategori: M01

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
17 Jun 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
1 Julai 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 17 /
2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Pemasangan Hawa Dingin Bagi
Unit di Bangunan-bangunan
Kerajaan Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam
Kelas : IV atau V
Kategori : M01

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
17 Jun 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
1 Julai 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 16 /
2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
dan Kerja-kerja Pemeliharaan
Sistem Hawa Dingin Bagi
'Group Location 1' Untuk
Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam
Kelas: V
Kategori: M01

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :
17 Jun 2025 Selasa)

Tarikh Tutup:
1 Julai 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 15 /
2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
dan Kerja-kerja Pemeliharaan
Sistem Hawa Dingin Bagi
Bangunan Dewan Majlis, Bagi
Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan ditolak.
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
*Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
- 5 Lengkapkan Maklumat**
(kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



+673 7371961



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Bagi Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial
PSC.BN

FORUM KETENGAHKAN PRAKTIKAL TENTANG PERJALANAN IBADAH HAJI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

TUTONG, Selasa, 10 Jun. - Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong telah menganjurkan sebuah forum sempena Hari Raya Aidiladha, yang diteruskan dengan sesi Simulasi Manasik Haji bertempat di Surau As-Salam, hospital tersebut.

Hadir pada forum tersebut ialah Pemangku Pegawai Eksekutif Hospital PMMPMHAMB, Hajah Siti Hasrainah binti Haji Hassan.

Forum ini dianjurkan bagi menghayati makna sebenar pengorbanan dalam konteks keimanan, bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha.

Majlis menampilkan beberapa panelis dari SkiPPA Unit Keugamaan Hospital PMMPMHAMB yang berkongsi

pandangan dan ilmu berkaitan dengan aspek-aspek spiritual, sejarah dan aplikasi pengorbanan dalam kehidupan moden.

Antara panelis-panelis ialah Pegawai Tugus-Tugas Khas Tingkat II (SkiPPa), Unit Keugamaan Hospital PMMPMHAMB, Tutong, Awang Mohamad Najib bin Haji Awang Mohamad Iskandar; Pegawai Tugus-Tugas Khas Tingkat II (SkiPPa), Unit Keugamaan Hospital PMMPMHAMB, Tutong, Muhammad Danish Firdaus bin Amin dan Pegawai Tugus-Tugas Khas Tingkat II (SkiPPa), Unit Keugamaan Hospital PMMPMHAMB, Tutong, Awangku Muhammad Hafiz bin Pengiran Haji Rusnan.

Forum ini dikendalikan oleh Pegawai Tugus-Tugas Khas

Tingkat II (SkiPPa), Nur Nadzirah binti Haji Abd. Kadiroshman selaku moderator.

Selain forum, majlis turut menampilkan Simulasi Manasik Haji yang dikendalikan oleh Pegawai Tugus-Tugas Khas Tingkat II (SkiPPa), Unit Keugamaan Hospital PMMPMHAMB, Tutong, Awadah Mubarakah binti Shamsuri.

Simulasi ini bertujuan memberi pendedahan secara praktikal tentang perjalanan ibadah haji, termasuk rukun, wajib dan sunnah haji, serta hikmah di sebalik setiap perlakuan. Ia amat bermanfaat khususnya kepada bakal jemaah haji, pegawai-pegawai dan kakitangan Hospital PMMPMHAMB, Tutong yang ingin memahami ibadah haji dengan lebih mendalam.



HOSPITAL Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong telah mengadakan sesi Simulasi Manasik Haji bertempat di Surau As-Salam, di hospital berkenaan, setelah selesainya forum sempena Hari Raya Aidiladha.

Program ini terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan Hospital PMMPMHAMB, Tutong, sebagai wadah perkongsian ilmu serta menjadi ruang untuk menghayati semangat

pengorbanan yang menjadi tunjang kepada keimanan seorang Muslim, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam.

Penyertaan Pertandingan Pidato Kebangsaan kini dibukakan

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Pidato merupakan satu cabang seni pengucapan awam yang menyampaikan mesej komunikasi satu arah secara lisan bagi mengungkapkan pemikiran atau idea, menaakul konsep, menguraikan, dan merumuskannya secara berkesan untuk ditujukan kepada khalayak atau audiens.

Pidato mengandungi pelbagai kategori dan penyampaian pidato yang berkesan adalah dalam bentuk nasihat, peringatan, penegakan, mahupun sindiran. Oleh hal yang demikian, kematangan pemikiran dan melontarkan idea dapat dicungkil melalui aktiviti berpidato.

Antara objektif pertandingan adalah bagi menyemarakkan dan menggemakan Sambutan Bulan Bahasa 2025, mengetengahkan peserta tempatan hingga peringkat antarabangsa dan luar negara, meluaskan dan memantapkan pengetahuan, penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu standard yang betul dan tepat; membina keyakinan diri dan kemahiran komunikasi untuk mampu berucap di hadapan khalayak ramai, menggalakkan remaja dan belia untuk berfikir, mengolah idea dan mengemukakan pendapat berhubung sesuatu tema yang ditetapkan oleh pihak penganjur, memastikan kemahiran seni ini tidak terus lenyap ditelan zaman bagi menjaga daya saing secara positif, dan meluaskan pengetahuan am serta isu-isu semasa dalam dan luar negara.

Peserta pidato juga diberi kebebasan dan kebebasan untuk menyediakan tajuk pidato yang bersesuaian dengan isu terkini atau semasa yang signifikan dengan, sama ada perkembangan bahasa Melayu, perkembangan Kecerdasan Buatan (AI), pembangunan ekonomi, masa depan belia, pembangunan kapasiti, dan budaya, asalkan tidak menyentuh sensitiviti yang berkaitan dengan bangsa, ras, mempolemikan agama, politik, ketatanegaraan, kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang.

Pertandingan berkenaan dibukakan kepada belia yang

berumur antara 15 hingga 35 tahun bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan akan diadakan secara fizikal di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas serta disiarkan secara langsung melalui penstriman Facebook DBP.

Peringkat saringan akan diadakan pada Sabtu, 17 Zulhijah 1446 bersamaan 14 Jun 2025 serta dibahagikan kepada dua sesi, bertempat di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas. Manakala peringkat akhir diadakan pada Selasa, 2 Rabiulawal 1447 bersamaan 26 Ogos 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pemenang Pertama pertandingan pidato akan menerima wang tunai sebanyak BND800, piala pusingan, piala, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP; manakala pemenang kedua akan menerima wang tunai BND600, plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP; sementara pemenang tempat ketiga akan menerima wang tunai BND400, plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP.

Manakala, bagi pemenang sagu hati tempat keempat dan sagu hati tempat kelima masing-masing akan menerima plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP.

PERTANDINGAN PIDATO KEBANGSAAN
SEMPENA SAMBUTAN BULAN BAHASA 2025

Tajuk Pidato

Peserta pidato diberi kebebasan dan kebebasan untuk menyediakan tajuk pidato yang bersesuaian dengan isu terkini/semasa yang signifikan dengan, sama ada perkembangan bahasa Melayu, perkembangan kecerdasan buatan (AI), pembangunan ekonomi, masa depan belia, pembangunan kapasiti, dan budaya, asalkan tidak menyentuh sensitiviti yang berkaitan dengan bangsa, ras, mempolemikan agama, politik, ketatanegaraan, kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang.

(atau tajuk lain yang bersesuaian)

HADIAH

- JOHAN**
BND1000.00, piala pusingan, piala dan sijil penghargaan
- NAIB JOHAN**
BND800.00, plak dan sijil penghargaan
- PEMENANG KETIGA**
BND600.00, plak dan sijil penghargaan
- SAGU HATI KEEMPAT**
BND300.00, plak dan sijil penghargaan
- SAGU HATI KELIMA**
BND300.00, plak dan sijil penghargaan

TARIKH TUTUP PENYERTAAN:
Hari Selasa, 15 Zulkaedah 1446/13 Mei 2025

PERINGKAT SARINGAN:
Khamis dan Sabtu, 15 dan 17 Zulhijah 1446/12 dan 14 Jun 2025

PERINGKAT AKHIR:
Hari Selasa, 5 Muharam 1447/1 Julai 2025

Sila imbas kod QR bagi mendapatkan borang penyertaan secara dalam talian.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:
2382511, samb. 159/330/155/160
pidato.kbrunei@dbp.gov.bn/adm.istilah@gmail.com

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

DARI MAHKAMAH

Dihukum penjara akibat cederakan seorang lelaki

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Seorang lelaki dijatuhkan hukuman penjara 15 bulan selepas mengaku bersalah mencederakan seorang lelaki dengan sengaja.

Ezzedin bin Haji Abdul Rahman (defendan) membuat pengakuan berkenaan di hadapan Hakim Majistret Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman atas dua pertuduhan yang dibacakan terhadapnya.

Defendan didakwa mencederakan mangsa yang berusia 59 tahun dengan menumbuk kepala sebelah kanan mangsa pada 14 Jun 2024 lalu di sebuah rumah di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau.

Mangsa telah dibawa ke hospital untuk mendapat rawatan lebih lanjut. Doktor yang merawat mengesahkan mangsa mengalami kecederaan termasuk lebam dan bengkak pada sebelah kanan muka mangsa.

Menurut keterangan kes, defendan didapati dengan sengaja telah mencederakan mangsa dengan cara menumbuk kepala sebelah kanan dan juga telah melakukan kerosakan pada tingkap kaca hadapan rumah mangsa dengan menggunakan *nut* (hardware).

Perbuatan defendan tersebut telah menyebabkan kerosakan dan kerugian harta benda berjumlah BND500 atau lebih.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Abdul Musawwir bin Haji Awang Mahli.

Muka 6

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 2 Jun. 1965.

HALAMAN PENERANGAN:

RA'AYAT YANG SEHAT ADA-LAH BERGUNA BAGI MEMBANGUN NEGARA

(Oleh Awang Mohamed Salleh Kadir)

BEBERAPA waktu yang lalu penduduk2 luar bandar terutama sekali ra'ayat yang diam di-pendalaman negeri mengalami kesusahan untuk mendapat perubatan.

Mereka terpaksa pergi ber-batu2 jauh-nya dan kadang2 sahingga beberapa jam dalam perjalanan baharu-lah sampai ka-sabua klinik atau rumah sakit.

Hal yang saperti ini tentu sekali merunsingkan penduduk2 di-pendalaman. Tetapi sekarang keadaan telah berubah. Mereka tidak berasa bimbang lagi.

Untuk meninjau dan menjaga kesehatan ra'ayat yang diam terpenchil dari bandar2 itu, pihak Jabatan Perubatan telah berusaha dengan sa-berapa daya untuk mengadakan lawatan2 ka-kampung2 di-pendalaman negeri.

Satu daripada perkara yang penting yang di-usahkan oleh Jabatan Perubatan pada masa ini ia-lah menjaga kesehatan ra'ayat.

Kerajaan telah memberi ke-utamaan kepada penduduk2 yang jauh dari rumah sakit dan klinik dengan mengadakan rombongan perubatan yang menggunakan helikopter.

Rombongan perubatan helikopter ini dapat bergerak dengan chepat-nya dari satu tempat ka-satu tempat yang lain. Sa-orang doktor dan beberapa orang juru2 rawat yang terlatah telah di-tugaskan untuk berkhidmat dengan rombongan perubatan itu.

Dengan ada-nya rombongan saperti ini penduduk2 di-pendalaman tidak-lah bersusah payah lagi pergi ka-rumah2 sakit atau klinik yang jauh dari tempat mereka untuk mendapatkan ubat dan sa-bagai-nya.

Mereka tidak khuatir lagi tentang kesehatan mereka sebab usaha2 dan kemudahan2 bagi memeriksa kesehatan penduduk2 yang diam di-pendalaman itu telah di-adakan.

Pihak perubatan telah pun mengator ranchangan-nya untuk membuat lawatan2 ka-tempat2 yang terpenchil pada masa2 yang tertentu.

Kanak2 sekolah akan di-pereksa, ibu2 yang mengandung akan di-berikan penerangan2 supaya menjaga kesehatan mereka, orang2 yang sedang sakit akan di-beri rawatan ubat dan suntikan untuk menchegeh penyakit dari merebak.

Semua-nya ini ada-lah di-beri dengan perchuma oleh Kerajaan.

PEMBENAAN

KLINIK2 BARU

Di-samping itu kerajaan juga sedang berusaha untuk membena beberapa buah klinik di-kawasan2 yang tertentu supaya penduduk2 di-sekitar-nya akan senang mendapat ubat pada bila2 masa sahaja.

Dengan segala kemudahan yang di-sediakan ini dapat-lah nanti penduduk2 di-pendalaman negeri pergi ka-klinik2 yang berhampiran dengan mereka. Ini ada-lah satu daripada kemudahan2 yang di-adakan supaya ra'ayat tidak bersusah payah lagi pergi ber-batu2 dan berjam2 berjalan untuk mendapatkan rawatan.

Kerajaan sekarang sedang menumpukan perhatian dan usaha yang rapi terhadap kesehatan penduduk2 di-pendalaman. Kita sedia maalam sa-barang penyakit yang berjangkit ada-lah sangat merbahaya kepada seluruh penduduk negeri.

Dalam usaha menghapuskan penyakit yang berjangkit ini kita hendak-lah bekerjasama. Kita mesti-lah berusaha untuk mendapatkan rawatan doktor supaya penyakit itu dapat di-kawal.

Ini-lah juga salah satu tujuan utama pihak perubatan mengadakan lawatan untuk memeriksa kesehatan penduduk2 yang diam di-pendalaman itu.

Lain-lah hal-nya dengan penduduk2 yang diam di-bandar atau pun yang berhampiran dengan rumah2 sakit. Mereka ini dengan senang sahaja pergi ka-tempat2 perubatan untuk mendapatkan rawatan yang sa-wajar-nya.

Dengan lawatan perubatan dan kesehatan itu di-pergiatkan lagi di-masa hadapan, kemungkinan-nya ia-lah negeri kita ini akan sa-imbang dengan negeri2 yang lebeh maju perkhidmatan perubatan dan kesehatan-nya.

Dan sekarang ini telah dapat di-buktikan bahawa usaha kerajaan dalam bidang ini telah di-perluaskan lagi. Di-samping pegawai2 perubatan mengadakan lawatan2 ka-kampung2 dengan menggunakan perahu, motor-boat atau kereta, perkhidmatan melalui udara juga telah di-adakan.

Dapat-lah kita tinjau betapa besar-nya hasrat kerajaan hendak menjaga dan mengawasi kesehatan seluruh ra'ayat, bukan sahaja yang diam di-bandar, bahkan ra'ayat yang diam di-pendalaman juga telah mendapat perhatian kerana kesehatan ia-lah sumber kesejahteraan.

Ra'ayat yang sehat, ada-lah ra'ayat yang berguna untuk membangunkan negara. Kita dapat perhatikan dengan sunggoh2 usaha2 kerajaan dalam bidang kesehatan ini yang berniat hendak memperbaiki kesehatan dan kesejahteraan ra'ayat.

Menilik segala keterangan2 yang di-sebutkan tadi jelas-lah bahawa kerajaan ingin memperluaskan dan memperbesarkan lagi usaha2-nya untuk memperbaiki keamanan dan kesehatan semua lapisan ra'ayat yang diam di-negeri ini.

Sa-lama rombongan perubatan yang menggunakan helikopter itu melawat dari sa-buah kampung ka-sabua kampung yang lain di-pendalaman sambutan dan kerjasama dari penduduk2 yang di-lawati itu ada-lah benar2 memuaskan.

Mereka telah memberikan kerjasama dengan pegawai2 perubatan itu. Ini ada-lah nyata kerana tiap2 rombongan perubatan yang datang dan melawat ka-tempat mereka ada-lah di-sambut dengan gembira dan rasa senang hati oleh penduduk2 kampung.

Mereka datang berduyun-duyun dan ahli2 rombongan perubatan telah melayan mereka dengan memberi apa jua yang di-perlukan. Ini telah membuktikan bahawa penduduk2 di-pendalaman itu sedar akan kepentingan kesehatan, kerana kerajaan tidak membiarkan mereka begitu sahaja dalam bidang kesehatan.

Memang saperti telah di-nyatakan tadi pihak Jabatan Perubatan dan kerajaan mengambil berat tentang kesehatan semua lapisan ra'ayat terutama penduduk2 yang terpenchil.

Orang2 yang sedang menghidap penyakit yang terok akan di-bawa dengan helikopter ka-rumah sakit besar untuk di-beri rawatan yang sewajar-nya. Penduduk2 pendalaman jangan berasa ragu atau bimbang lagi dalam perkara ini. Jabatan Perubatan yang menggunakan helikopter itu sa-tiap waktu sedia berkhidmat untuk memberi pertolongan yang di-kehendaki kerana ini ada-lah tugas yang utama Jabatan Perubatan.

Dengan jalan dan chara bagini kesehatan ra'ayat luar bandar akan sentiasa terjamin.

Chara rombongan perubatan helikopter ini ada-lah chara yang mudah sekali lebeh chepat dan chergas untuk menghubungkan ra'ayat yang diam di-pendalaman. Rombongan ini senang turun di-mana2 sahaja ada tanah lapang.

Sa-bagaimana telah di-nyatakan hasil tinjauan kesehatan kampung2 pendalaman ada-lah sangat2 memuaskan kerana ranchangan itu mendapat kerjasama dari kedua belah pihak baik penduduk2 yang di-lawati mau pun dari pegawai2 perubatan yang bertugas itu.

Perlu saya tegaskan sa-kali lagi bahawa klinik2 telah di-dirikan di-kawasan2 bandar saperti, Brunei, Kuala Belait, Seria, Tutong dan Bangar. Juga klinik2 telah di-dirikan di-kampung2 dan tidak kurang dari 10 buah telah di-bena di-kampung2 di-pendalaman negeri, termasuklah Pengkalan Batu, Lumapas, Batu Marang, Baru2, Labu Estate dan Batu Apoi.

Penduduk2 di-kampung2 yang di-sebutkan itu tadi dapat berhubung dengan pegawai2 perubatan untuk meminta nasehat dan rawatan yang di-kehendaki.

Sudah menjadi kenyataan bahawa tenaga yang di-perlukan, ia-lah dari badan yang sehat. Ra'ayat yang sehat ada-lah ra'ayat yang berguna untuk membangunkan negara.

Beberapa orang Pengakap2 dari Pasokan2 Kedua Maktab S.O.A.S., dan Kesembilan Pengakap Laut, Bandar Brunei, telah berjalan sa-lauh lebeh kurang 15 batu baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Pengakap2 tersebut semasa menziarahi Makam Sultan Bolkiah - Gambar dengan eh san Guru Pengakap Pasokan Kedua Maktab S.O.A.S., Awang Sharbini M. Taha.





Keselamatan makanan tanggungjawab bersama

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Jabatan Penerangan

MAKANAN merupakan keperluan dalam kehidupan manusia. Darinya, manusia memperoleh gizi dan tenaga untuk memenuhi keperluan. Antaranya dapat bekerja dengan gigih dan kuat.

Oleh itu keselamatan dalam makanan adalah penting dan perkara ini mesti difahami oleh segenap lapisan masyarakat. Keselamatan makanan adalah tanggungjawab global. Makanan tidak selamat itu masih menjadi satu penyebab utama terjadinya penyakit dan kematian terutama bagi golongan-golongan yang berisiko tinggi.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan 7 Jun setiap tahun adalah sebagai Hari Keselamatan Makanan Sedunia (World Food Safety Day - WFSO).

Sambutan ini dilihat signifikan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan keselamatan makanan bagi melindungi kesihatan pengguna di peringkat global.

Makanan yang selamat adalah kunci kepada kesihatan yang baik. Globalisasi perdagangan makanan, peningkatan populasi dunia, perubahan iklim dan sistem makanan yang kompleks bagaimanapun telah memberi impak ke atas keselamatan makanan.

Negara memang menitikberatkan usaha memperkukuh keselamatan makanan negara termasuk memastikan makanan yang dihasilkan selamat dan mematuhi standard keselamatan makanan yang telah ditetapkan dengan melaksanakan pelbagai strategi.

Data yang dikongsikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai keselamatan makanan, didapati sebanyak 200 jenis penyakit berkaitan dengan makanan yang tidak selamat. Secara puratanya setiap hari 1.6 juta orang yang jatuh sakit disebabkan oleh makanan yang tidak selamat.

Tema

Tema bagi Hari Keselamatan Makanan Sedunia pada tahun ini ialah 'Keselamatan

Makanan : Sains Beraksi (Food Safety : Science in Action)'. Ia bertujuan untuk mengingatkan kita mengenai peranan penting yang dimainkan oleh sains dalam keselamatan makanan, membantu kita memahami risiko-risiko dan mengenal pasti ancaman-ancaman di dalam rantai bekalan makanan, bagi membolehkan penggabulan strategi-strategi untuk mengatasinya.

Bagi setiap makanan yang kita makan setiap hari, pelbagai inovasi dan penyelidikan yang teliti telah dilakukan dari ladang sehingga ke pinggan kita untuk memastikan makanan kita selamat untuk dimakan.

Sains membantu kita mengesan bahan-bahan pencemar, memperbaiki amalan perladangan dan bertindak balas terhadap risiko-risiko baharu sebelum ia sampai kepada kita. Di sebalik setiap pemeriksaan, piawaian dan dasar, terdapat ramai ahli profesional yang menggunakan segala bahan bukti, teknologi dan kreativiti untuk memberikan perlindungan kepada kita semua.

Penghormatan dan penghargaan wajar diberikan kepada para saintis, pegawai pemeriksa, petani, pengimport makanan, pengeluar makanan dan pengendali makanan yang sentiasa menjadikan pengetahuan sebagai keselamatan untuk kita semua. Mereka bekerja bertungkus lumus untuk memastikan bekalan makanan kita selamat dan masyarakat kita terus sihat.

BDFA

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada 1 Januari 2021 sebagai pengawal selia *regulatory* dan *competent authority* bagi keselamatan dan kualiti makanan di NBD. Visi dan misi adalah untuk memastikan produk makanan di NBD sentiasa selamat, bersih dan berkualiti dan memastikan makanan yang dihasilkan di negara kita ini dipercayai dan dikenali di dalam dan luar negara.

Peranan BDFA juga adalah untuk

meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keselamatan makanan, piawaian makanan yang perlu dipatuhi, pengetahuan label makanan. BDFA turut melaksanakan pendidikan dan latihan kepada pengusaha makanan yang terlibat dalam pengendalian atau pembekalan makanan bagi mengurangkan risiko pencemaran makanan.

Selain itu, BDFA berperanan dalam mengawal selia import dan eksport makanan pembuatan, pemrosesan dan pengangkutan bagi memastikan rantai bekalan makanan itu daripada pembuatan, pengedaran hingga kepada pengguna adalah selamat dan teratur.

Dari segi akses pasaran, BDFA mengawal selia, membantu dan memastikan semua kilang perusahaan makanan tempatan kita yang berhasrat untuk pasaran eksport keluar negara adalah mematuhi dan memenuhi undang-undang dan piawaian keselamatan makanan yang relevan.

Dari segi kawalan BDFA membuat dan melaksanakan pendaftaran makanan-makanan yang diimport dan juga dieksport. Melaksanakan pengeluaran pensijilan kebersihan dan juga mengadakan program pendidikan kesihatan bagi pengendali makanan. BDFA juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan terutama dari pihak kerajaan dan sektor swasta untuk memastikan pematuhan ke atas segala peraturan dan piawaian keselamatan makanan di negara ini dilaksanakan dengan sempurna.

Aktiviti sempena Hari Keselamatan Makanan Sedunia akan diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai keselamatan makanan. Penganjuran aktiviti ini telah pun didahului dengan perutusan atau mesej daripada Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDFA sempena menyambut Hari Keselamatan Makanan Sedunia pada 7 Jun.

Public Information Booth anjuran BDFA

akan diadakan semasa Pesta Pengguna Ke-31 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, pada 25 hingga 29 Jun 2025. Orang ramai bolehlah mengunjungi Public Information Booth yang terletak di M34 kawasan zon antarabangsa, dan berinteraksi dengan pegawai-pegawai dari BDFA untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai BDFA, mengenai pengendalian makanan dengan selamat, mengenal pasti mengenai pelabelan makanan dan aduan pengguna sekiranya berlaku isu makanan tercemar.

BDFA juga akan menyediakan *consultation corner* bagi pengunjung-pengunjung serta beberapa aktiviti dan permainan juga akan dibukakan kepada para pengunjung nanti.

Terdapat juga penganjuran bengkel yang dijadualkan pada Selasa, 2 Julai 2025 yang dimulakan dengan majlis pembukaan bengkel World Food Safety Day 2025. Pameran yang berkaitan dengan keselamatan makanan juga turut diadakan pada majlis tersebut.

Kunci keselamatan makanan

Lima kunci keselamatan makanan adalah menjaga kebersihan; mengasingkan makanan mentah dan sudah dimasak; memasak makanan dengan sempurna; menyimpan makanan pada suhu selamat; menggunakan air dan bahan mentah yang bersih dan selamat.

Kita perlu komited untuk menjadikan keselamatan makanan boleh diakses dan boleh dilakukan oleh semua orang sama ada ketika memasak untuk keluarga, selaku penjaja di gerai atau pasar, sebagai seorang penjual makanan yang beroperasi dari rumah, atau seorang tukang masak di restoran. Apabila kita memahami sebab di sebalik keselamatan makanan, kita akan membuat pilihan-pilihan yang lebih baik.

Sebaiknya sebelum makan amalkan konsep 'lihat, hidu dan rasa'. Ini penting bagi mengamalkan amalan kebersihan diri yang baik, menyimpan makanan dengan kaedah yang betul bagi mengurangkan risiko kejadian keracunan makanan. Ingatlah bahawa 'keselamatan makanan merupakan tanggungjawab bersama'.



Bariga maklumat asas ASEAN



TUTONG, Isnin, 9 Jun. - Jabatan Penerangan melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Muda Hashim bertempat di Dewan Jubli sekolah berkenaan.

Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Timbalan Pengetua Akademik Sekolah, Dayang Jabaidah binti Jait dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada 129 pelajar Tahun 7 yang mana taklimat antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian

SERAMAI 129 pelajar Tahun 7, Sekolah Menengah Muda Hashim hadir pada Jerayawara Kenali ASEAN.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail (atas). Sementara gambar atas kiri, para pelajar berpeluang menyertai Kuiz Kenali ASEAN.

daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berpeluang menyertai Kuiz Kenali ASEAN bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan. Seterusnya, penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Pengetua Akademik sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN,

ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam mengamalkan hala tuju negara satu masa nanti.



MINDA PEMBACA

Kesan pemanasan global terhadap kehidupan seharian

PEMANASAN global merupakan cabaran iklim sejagat yang memberi kesan langsung kepada kelestarian bumi. Ia berpunca daripada peningkatan pelepasan gas rumah hijau akibat aktiviti manusia seperti pembakaran bahan api fosil dan penebangan hutan. Kesan jangka panjangnya termasuk pencairan ais di kutub, peningkatan aras laut, dan cuaca ekstrem yang menjejaskan pelbagai aspek kehidupan manusia.

Negara Brunei Darussalam, walaupun kecil dari segi geografi, tidak terkecuali daripada menerima tempas perubahan iklim ini. Kejadian banjir kilat yang semakin kerap, suhu yang meningkat setiap tahun, dan perubahan pola hujan adalah antara tanda-tanda jelas yang dapat dirasakan oleh rakyat jelata. Fenomena ini memberi impak kepada keselesaan harian, keselamatan, serta kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat.

Contohnya, peningkatan suhu memberi kesan kepada produktiviti pekerja dan penggunaan tenaga domestik yang lebih tinggi, khususnya untuk alat penyejuk udara. Sektor pertanian juga terdedah kepada risiko kegagalan tanaman akibat hujan luar musim atau kemarau panjang. Selain itu, banjir kilat di kawasan bandar menjejaskan aliran trafik, harta benda dan kebersihan persekitaran.

Menangani isu ini memerlukan usaha menyeluruh dan bersepadu. Kerajaan melalui Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam menekankan keperluan pembangunan mampan dan pengurangan jejak karbon melalui penggunaan tenaga boleh diperbaharui, penghutan semula dan amalan hijau. Sebagai rakyat, kita juga bertanggungjawab untuk mengurangkan sisa, menjimatkan elektrik, serta menyokong inisiatif alam sekitar di komuniti masing-masing.

Kesedaran terhadap kesan pemanasan global dan tindakan proaktif dalam kehidupan seharian amat penting bagi menjamin masa depan yang selamat, bersih dan lestari untuk generasi akan datang di Brunei Darussalam.

Nama : Mohd. Zhafran Ashyraf bin Haji Abd. Manap
No. K/P : 01-077XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pencemaran Sungai dan Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 11 Jun 2025
2. 'Peranan Usahawan Muda dalam Meningkatkan Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 18 Jun 2025
3. 'Bagaimana AI Mengubah Landskap Pekerjaan Masa Depan'. Tarikh Tutup : 25 Jun 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

BIBD TERIMA PENGIKTIRAFAN DALAM PENGGUNAAN DIGITAL

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Jun. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menerima pengiktirafan daripada Mastercard semasa Forum Pelanggan 2025 yang diadakan di Bangkok bagi Leadership in Debit Volume - Brunei and Leadership in Credit Volume - Brunei sebagai penghargaan terhadap peranan BIBD dalam menyokong penggunaan pembayaran digital di negara ini.

Pengiktirafan ini mencerminkan usaha berterusan BIBD dalam menyediakan penyelesaian kad yang praktikal dan mudah diakses bagi memenuhi keperluan individu dan perniagaan.

Inisiatif-inisiatif BIBD tertumpu kepada meningkatkan pengalaman perbankan harian, menggalakkan penggunaan pembayaran digital dan menawarkan manfaat tambahan seperti tawaran istimewa daripada peniaga serta proses pembayaran yang lancar.

Hadir pada acara tersebut bagi

pihak BIBD ialah Penolong Pengarah Urusan 3 dan Ketua Perbankan Runcit, Awang Junaidi bin Bahrum yang antara lain menyatakan bahawa BIBD merakamkan penghargaan atas pengiktirafan ini dan melihat ia sebagai dorongan untuk terus menjadikan pembayaran harian lebih mudah dan selamat bagi masyarakat.

Beliau menambah bahawa kemajuan ini hanya dapat dicapai dengan kepercayaan daripada pelanggan BIBD serta sokongan daripada rakan kongsi peniaga.

Dari semasa ke semasa, BIBD terus memperkukuh penawaran kadnya dengan menggunakan bahan lestari, memudahkan proses pengaktifan dan penggunaan kad serta memperkenalkan promosi yang menawarkan ganjaran menarik untuk perbelanjaan harian.

Usaha-usaha ini turut disokong melalui kerjasama para peniaga bagi menyediakan diskaun dan

keistimewaan yang memberi manfaat kepada pemegang kad.

Dalam masa yang sama, rangkaian Kad BIBD juga membantu perniagaan tempatan dengan membolehkan transaksi yang lebih cepat dan efisien serta menyediakan kemudahan untuk mengesan dan mengurus jualan secara digital.

Ini menyumbang kepada ekosistem yang lebih meluas yang membantu perniagaan memenuhi jangkaan pelanggan terhadap kaedah pembayaran digital yang terkini. Pengiktirafan oleh Mastercard ini juga menekankan komitmen bersama dalam memajukan perjalanan transformasi digital Brunei.

Dengan menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran digital secara bertanggungjawab dan inklusif, BIBD terus menyokong usaha-usaha negara seperti Pelan Induk Digital Ekonomi dan Wawasan Brunei 2035.

BIBD kekal komited untuk

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam



PENOLONG Pengarah Urusan 3 dan Ketua Perbankan Runcit, Awang Junaidi bin Bahrum hadir bagi pihak BIBD untuk menerima pengiktirafan daripada Mastercard, 'Leadership in Debit Volume - Brunei and Leadership in Credit Volume - Brunei', di Forum Pelanggan 2025 yang diadakan di Bangkok.

menyediakan perkhidmatan kad yang selamat, mudah diakses dan selari dengan keperluan masyarakat yang semakin

berkembang, bagi memastikan kemudahan digital membawa nilai tambah kepada kehidupan harian semua.

Penemuan mayat di lokasi kebakaran



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



TUTONG, Isnin, 9 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengesahkan sedang menjalankan siasatan berhubung satu insiden kebakaran rumah yang membawa kepada penemuan

rangka manusia.

Balai Polis Lamunin telah menerima laporan pada 8 Jun 2025 kira-kira jam 12 tengah hari mengenai kejadian kebakaran sebuah rumah di kawasan

RANGKA manusia telah ditemui dalam sebuah kereta yang turut musnah dalam kejadian kebakaran sebuah rumah di kawasan Kampung Batang Mitus. Siasatan lanjut masih diteruskan bagi mengenal pasti punca sebenar kebakaran serta keadaan yang membawa kepada kematian tersebut (kiri dan bawah kiri).

Kampung Batang Mitus.

Semasa operasi memadam kebakaran, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menemui rangka dipercayai rangka manusia di dalam sebuah kereta yang turut musnah dalam kejadian, berhampiran rumah tersebut.

Hasil siasatan awal mendapati bahawa kereta berkenaan telah digunakan oleh seorang lelaki warga tempatan berumur 18 tahun pada hari kejadian. Bedah siasat yang dijalankan ke atas rangka tersebut tidak dapat mengenal pasti punca kematian.

Namun begitu, sampel darah dan air kencing yang diperoleh telah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Saintifik untuk ujian dan pengesanan DNA.

Siasatan lanjut masih diteruskan bagi mengenal pasti punca sebenar kebakaran serta keadaan yang membawa kepada kematian tersebut.

Sehubungan itu, orang ramai atau mana-mana individu yang mempunyai maklumat atau menjadi saksi kejadian adalah diminta untuk tampil ke mana-mana balai polis terdekat atau menghubungi Talian Kecemasan Polis 993 bagi membantu siasatan.

PPDB turut mengingatkan orang ramai agar tidak menyebarkan sebarang maklumat yang tidak sahih serta mengelakkan sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan.

Diharap semua pihak menghormati kehidupan peribadi atau privasi mangsa dan keluarganya dalam tempoh yang sukar ini.



Lelaki dikehendaki bantu siasatan



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) meminta

ASLAM Sikder, warganegara Bangladesh, nombor Pasport BY0757449.

kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki yang dikehendaki untuk membantu siasatan.

Menurut kenyataan berkenaan, lelaki tersebut ialah Aslam Sikder, warganegara Bangladesh dengan nombor Pasport BY0757449.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi ke Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 490 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis berdekatan.

ASEAN KEKAL RAKAN DAGANG PRODUK PERTANIAN TERBESAR CHINA



BEIJING, 10 Jun. - ASEAN kekal sebagai rakan dagang terbesar China membabitkan produk pertanian selama lapan tahun berturut-turut, menurut Pentadbiran Am Kastam China (GACC). Xiamen, merupakan antara

bandar yang mengendalikan sarang burung walit import terbesar di China. Setiap minggu, bandar itu menerima bekalan sarang burung mentah dari Kuala Lumpur melalui penerbangan selama empat jam

untuk diproses sebelum dipasarkan. Menurut pihak kastam tempatan, di bawah rangka Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), perdagangan sarang burung walit antara China dengan

ASEAN kini menikmati tarif sifar, sekali gus membolehkan produk berkenaan dipasarkan dengan harga mesra pengguna. Sementara itu, di pusat sehati perkhidmatan eksport produk pertanian di Dali, Yunnan, kelihatan trak rantaian sejuk beku yang sarat dengan muatan limau, anggur dan buah-buahan segar lain berbaris panjang untuk pemeriksaan kastam sebelum bertolak ke Vietnam melalui jalan darat. Seorang pegawai jabatan

kastam tempatan memberitahu bahawa keserasian musim menuai serta kepelbagaian buah-buahan di Yunnan dan negara-negara ASEAN telah menjadi pemacu utama peningkatan eksport buah segar wilayah itu. Untuk rekod, buah-buahan Yunnan seperti anggur, limau, epal dan kurma segar dieksport ke negara-negara ASEAN seperti Thailand, Vietnam dan Singapura. - ©BERNAMA

Pelajar China menang cabaran Apple Swift dengan kreativiti dan semangat

SAN FRANCISCO, 10 Jun. - "Pembangunan aplikasi bukan sekadar menulis kod. Ia adalah satu bentuk ekspresi kreatif, dan saya menyukai mencipta sesuatu dari sifar," kata Tianyu Xu, seorang pelajar universiti dari China yang memenangi Cabaran Pelajar Swift (Swift Student Challenge) pada Persidangan Pembangun Sedunia Apple (WWDC25) 2025. Xu, pelajar tahun akhir di Shanghai Institute of Technology, merupakan antara 350 pelajar terpilih di seluruh dunia yang dinobatkan sebagai pemenang cabaran 2025, lapor Xinhua. Beliau juga tersenarai sebagai

seorang daripada 50 pemenang cemerlang yang diiktiraf atas penyertaan luar biasa mereka dan dijemput ke kampus Apple di Cupertino untuk pengalaman tiga hari sempena WWDC. Xu berkata beliau pertama kali menyertai pertandingan itu dengan projek Swift Playground yang dinamakan 'SignBridge', yang bertujuan mengatasi halangan komunikasi antara pelajar kurang pendengaran dan pelajar lain di kampusnya. "Universiti saya di Shanghai menawarkan kelas pendidikan khas untuk pelajar kurang pendengaran, di mana guru

bergantung kepada jurubahasa isyarat semasa pengajaran. "Saya perhatikan, disebabkan halangan komunikasi, hanya sedikit pelajar biasa yang boleh berkomunikasi terus dengan pelajar kurang pendengaran menggunakan bahasa isyarat," jelas Xu. Cabaran Pelajar Swift ini merupakan sebahagian daripada WWDC25, yang berlangsung pada 9 hingga 13 Jun dan menawarkan acara utama, makmal, serta bengkel yang boleh diikuti secara dalam talian dan percuma oleh berjuta-juta pembangun Apple di seluruh dunia. - ©BERNAMA

Kementerian Digital Denmark rancang hentikan penggunaan produk Microsoft

MOSCOW, 10 Jun. - Menteri Hal Ehwal Digital Denmark, Caroline Stage Olsen merancang untuk menghentikan secara berperingkat penggunaan produk syarikat Amerika Syarikat (AS) Microsoft pada komputer kementerannya, lapor Sputnik/RIA Novosti. Media Denmark melaporkan bahawa pada April lepas, Stage menyatakan bahawa Kesatuan Eropah (EU) perlu mengurangkan ketergantungan terhadap produk digital bukan berasal dari Eropah

dan mewujudkan persekitaran yang menyokong syarikat tempatan, memandangkan terdapat risiko negara ketiga boleh memutuskan akses. Menurut akhbar Politiken pada Isnin, kementerian itu merancang dalam tempoh kira-kira sebulan dan menjelang akhir musim panas, kira-kira separuh daripada kakitangan akan menggunakan komputer dengan sistem pengendalian Linux dan Libre Office yang masing-masing

menggantikan Windows dan Office 365. Jika semuanya berjalan seperti dirancang, seluruh kementerian dijangka beralih daripada produk Microsoft kepada alternatif lain menjelang musim luruh, menurut laporan itu. Menteri itu mengumumkan inisiatif berkenaan menjelang pelancaran strategi pendigitalan baharu selama empat tahun yang memberi keutamaan kepada kedaulatan digital, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

Presiden Poland lakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia

PUTRAJAYA, 9 Jun. - Presiden Poland, Andrzej Duda akan mengadakan lawatan rasmi selama tiga hari ke Malaysia bermula Isnin (9 Jun) bagi mengukuhkan hubungan dua hala dan meluaskan kerjasama sedia ada. Lawatan itu yang merupakan kunjungan sulung beliau ke Malaysia sejak memegang jawatan pada Ogos 2015, berlangsung pada waktu yang bermakna bertepatan dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 manakala Poland selaku Presiden Majlis Kesatuan Eropah (EU) bagi separuh pertama tahun yang sama. Kementerian Luar Malaysia yang juga dikenali sebagai Wisma Putra dalam satu kenyataan pada Isnin memaklumkan bahawa Duda akan diiringi isterinya Agata Kornhauser-Duda semasa lawatan itu. Presiden Poland itu akan

diberikan sambutan rasmi di Kompleks Perdana Putra, Putrajaya pada Selasa diikuti dengan mesyuarat dua hala bersama Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim. Kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan usaha memperkukuh kerjasama dua hala, termasuk bidang perdagangan dan pelaburan, industri pertahanan, pertanian, sektor halal dan agrokomoditi, menurut kenyataan itu. Mereka juga dijangka bertukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama, tambah kenyataan itu. Perdana Menteri akan menghoskan majlis jamuan rasmi di Kompleks Seri Perdana sebagai menghormati Presiden dan delegasinya. Menurut Wisma Putra, Duda turut dijadual mengadakan lawatan

ke Rejimen Kedua Kor Armor Diraja di Kem Sunggala, Port Dickson serta menyampaikan syarahan umum di Institut Asia-Eropah, Universiti Malaysia. Lawatan itu melambangkan hubungan erat dan mesra antara Malaysia dan Poland yang berteraskan kepada prinsip saling menghormati serta kerjasama erat sejak terjalannya hubungan diplomatik pada 1971. Pada 2024, Poland merupakan rakan dagang kelapan terbesar Malaysia dalam kalangan negara anggota Kesatuan Eropah, dengan jumlah dagangan dua hala meningkat 19.5 peratus kepada RM5.66 bilion berbanding 2023. Eksport utama Malaysia ke Poland merangkumi produk elektrik dan elektronik, produk getah serta jentera, manakala import utama dari Poland terdiri daripada jentera, peralatan dan alat ganti, produk elektrik dan elektronik serta kelengkapan pengangkutan. - ©BERNAMA

Larangan perjalanan Trump ke atas 12 negara berkuat kuasa

WASHINGTON, 9 Jun. - Larangan perjalanan ke atas 12 negara oleh Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump telah mula berkuat kuasa, lapor Agensi Berita Jerman (dpa). Menurut kenyataan Rumah Putih, peraturan ini berkuat kuasa awal pagi Isnin (0401 GMT).

Trump mengumumkan larangan perjalanan itu pada Rabu, dengan menyatakan bahawa beliau perlu bertindak untuk melindungi keselamatan negara dan kepentingan nasional Amerika Syarikat serta rakyatnya. Langkah yang berkuat kuasa pada 9 Jun menyekat sepenuhnya kemasukan warganegara dari

Afghanistan, Myanmar, Chad, Republik Congo, Equatorial Guinea, Eritrea, Haiti, Iran, Libya, Somalia, Sudan dan Yaman. Warganegara dari Burundi, Cuba, Laos, Sierra Leone, Togo, Turkmenistan dan Venezuela pula akan dikenakan sekatan separa, menurut pengisytiharan Trump. - ©BERNAMA

Thailand, Kemboja setuju susun semula pasukan tentera redakan ketegangan sempadan

BANGKOK/PHNOM PENH, 9 Jun. - Thailand dan Kemboja bersetuju menyusun semula kedudukan pasukan tentera bagi meredakan ketegangan susulan insiden pertempuran singkat yang berlaku di kawasan sempadan baru-baru ini, kata Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra pada Ahad, lapor Xinhua. Menerusi catatan di platform X, Paetongtarn memaklumkan bahawa perbincangannya dengan kerajaan Kemboja telah membuahkan hasil positif, dengan kedua-dua pihak bersetuju mengubah penempatan tentera di kawasan pertikaian bagi membantu meredakan ketegangan. Thailand dan Kemboja juga akan mengadakan perbincangan di semua peringkat bagi memulihkan hubungan dua hala secepat mungkin, katanya. Dalam kenyataan berasingan, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Thailand, Phumtham Wechayachai mengesahkan bahawa pasukan tentera kedua-dua negara telah disusun semula mengikut kedudukan yang dipersetujui pada 2024. Phumtham berkata penyelarasan berterusan di semua peringkat telah membantu meredakan ketegangan, dengan kedua-dua negara komited untuk mengurangkan konflik dan mengelakkan konfrontasi. Sementara itu, Presiden Senat Kemboja, Samdech Techo Hun Sen pada Ahad malam menyatakan bahawa pelarasan kedudukan tentera di kawasan berisiko konflik dengan Thailand amat penting bagi mengelakkan pertempuran berskala besar. "Pelarasan kedudukan tentera di kawasan yang mudah tercetus konflik menerusi persefahaman bersama antara komander tentera kedua-dua negara adalah penting untuk mengelakkan pertembungan ganas berskala besar," katanya menerusi hantaran di laman rasmi Facebook. "Rakyat Kemboja dan Thailand benar-benar mendambakan keamanan berkekalan dan tidak mahu melihat berlakunya peperangan," katanya sambil menambah bahawa usaha penyelesaian melalui dialog telah dilaksanakan di semua peringkat - daripada kerajaan hingga ke barisan hadapan tentera - dan kini mula membuahkan hasil. Pada 28 Mei lalu, askar Kemboja dan Thailand terlibat dalam kejadian tembak-menembak singkat di kawasan sempadan yang dipertikaikan, mengakibatkan seorang anggota tentera Kemboja terbunuh. - ©BERNAMA

Arab Saudi umum kejayaan musim haji 1446H

MAKKAH, 9 Jun. - Timbalan Gabenor Wilayah Makkah merangkap Naib Pengerusi Jawatankuasa Tetap Haji dan Umrah, Putera Saud bin Mishaal bin Abdulaziz pada Ahad mengumumkan kejayaan musim haji tahun ini (1446 Hijrah) dari aspek keselamatan, kesihatan dan perkhidmatan, lapor Agensi Berita Saudi (SPA). "Saya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Penjaga Dua Masjid Suci Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud dan Putera Mahkota merangkap Perdana Menteri Arab Saudi, Putera Mohammed bin Salman bin Abdulaziz atas kejayaan pelaksanaan rancangan operasi yang cemerlang. "Perancangan ini diselaraskan dengan perjalanan rohani jemaah haji dan membolehkan mereka menunaikan ibadah dengan mudah dan tenang," katanya. Beliau menambah : "Saya berterima kasih kepada rakan-rakan saya dalam sektor keselamatan, kesihatan dan perkhidmatan, serta para sukarelawan lelaki dan wanita yang telah bekerja dengan penuh dedikasi dan keikhlasan demi memastikan kejayaan ibadah ini. "Mereka menyedari sepenuhnya penghormatan dalam berkhidmat kepada jemaah haji. Saya turut merakamkan penghargaan ikhlas kepada para jemaah, yang menjadi rakan kongsi utama dalam kejayaan ini melalui komitmen dan kepatuhan mereka terhadap peraturan." Putera Saud menegaskan bahawa persiapan untuk musim haji akan datang akan dimulakan serta-merta. "Kerajaan, kepimpinan, pemerintah dan rakyat Arab Saudi berasa bangga dapat berkhidmat di tanah suci dan kepada para pengunjungnya. Kami akan segera memulakan perancangan untuk musim haji tahun hadapan akan bermula segera, dengan memohon petunjuk dan kejayaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam segala usaha kami," katanya. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



NBD TUNDUKKAN BHUTAN 2-1



AKSI perlawanan di antara Pasukan Negara Brunei Darussalam menentang Pasukan Bhutan dalam Pusingan Ketiga Kelayakan Piala Asia AFC, Arab Saudi 2027.

BERAKAS, Selasa, 10 Jun. - Pasukan bola sepak kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) meraih tiga mata penuh setelah berjaya menewaskan pasukan Bhutan, 2-1 dalam Kumpulan 'B' Pusingan Ketiga Kelayakan Piala Asia AFC, Arab Saudi 2027, yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), malam tadi.

Kemenangan berkenaan sekali gus berjaya mengubati kekecewaan skuad Tabuan daripada kekalahan pada perlawanan lalu semasa menentang Lubnan yang berkesudahan 0-5.

Pasukan Bhutan yang menyangkut jersi berwarna jingga, dilihat lebih menguasai permainan dengan beberapa gerakan berbahaya pada babak awal perlawanan

namun gagal menembusi barisan pertahanan pasukan kebangsaan.

Pada separuh masa pertama permainan menyaksikan skuad NBD kendalian Ketua Jurulatih, Fabio Joaquim terlebih dahulu berada di hadapan menerusi jaringan Naziruddin Ismail pada minit ke-30 setelah menerima hantaran dari luar petak 'D' daripada rakan sepasukannya, Muhammad Hanif Farhan, yang disudahi dengan cemerlang menewaskan penjaga gawang pasukan Bhutan.

Pasukan Bhutan terus membuat serangan balas dengan menggandakan usahanya untuk mencari ruang menjaringkan gol namun benteng pertahanan skuad Tabuan gagal dibolosi sehinggalah wisel separuh masa pertama dibunyikan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Bersambung pada babak kedua, permainan semakin rancak apabila kedua-dua pasukan mula bertindak ganas dengan bertindak berbalas serangan.

Keriuhan dan sorakan penonton di SNHB bergema apabila penjaga gawang pasukan Bhutan, Gyeltshen Zangpo melakukan kesilapan sekali gus menghadiahkan gol percuma kepada pasukan NBD apabila bolanya termasuk ke gawang sendiri pada minit ke-63.

Tersentak dengan tekanan berkenaan, pasukan Bhutan bimbingan Ketua Jurulatih dari Jepun, Atsushi Nakamura, terus melancarkan serangan dan membuat

beberapa percubaan sehinggalah gol tunggal tercipta pada masa tambahan separuh masa kedua melalui jaringan Dawa Kuenjung Tshering.

Dengan keputusan tersebut, skuad kebangsaan berada di kedudukan kedua Kumpulan 'B' dengan mengutip tiga mata bersama Lubnan dengan beza jaringan gol. Manakala, Yaman dan Bhutan di tangga ketiga dan keempat masing-masing mengutip satu mata.

Skuad kebangsaan akan meneruskan kempen pusingan kelayakan AFC ini menentang Yaman di tempat sendiri di SNHB pada 9 Oktober 2025 nanti.

Zii Jia sah tolak tawaran sertai RTG

PUTRAJAYA, 10 Jun. - Pemain perseorangan profesional lelaki negara, Lee Zii Jia sah menolak tawaran untuk disenaraikan dalam program Road To Gold (RTG) bagi persiapan ke Sukan Olimpik 2028 di Los Angeles (LA2028).

Perkembangan itu disahkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh pada sidang media RTG di Menara Kementerian Belia dan Sukan hari ini.

Hannah bagaimanapun berkata peluang masih terbuka kepada Zii Jia untuk menyertai RTG sekiranya atlet itu berubah fikiran pada masa akan datang.

"Lee Zii Jia tidak sertai program atas alasan tersendiri. Jadi, kita hormati keputusan Lee Zii Jia," katanya.

Zii Jia antara 16 atlet yang disenarai pendek di bawah program RTG pada April lepas.

Untuk rekod, ini bukan kali pertama pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik 2024 di Paris itu menolak tawaran menyertai RTG, selepas melakukannya pada tahun 2023.

Sementara itu, Team LZJ dalam kenyataan hari ini memaklumkan pasukan itu menzahirkan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa RTG terutamanya Hannah yang memberi peluang untuk Zii Jia menyertai program berprestij berkenaan.

Team LZJ memaklumkan selepas melakukan pertimbangan penuh, pihaknya membuat keputusan untuk menolak tawaran daripada menyertai RTG.

"RTG ialah program yang dikhaskan untuk yang terbaik daripada yang terbaik di negara ini dan memandangkan Zii Jia masih pulih daripada kecederaan, kami berasakan bantuan yang sewajarnya daripada program itu harus diberikan kepada atlet yang lebih layak pada masa ini," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Alcaraz bangkit tumpaskan Sinner, pertahan kejuaraan Terbuka Perancis

PARIS, 9 Jun. - Carlos Alcaraz bangkit daripada ketinggalan dua set dan menyelamatkan tiga mata kejuaraan untuk menewaskan pilihan utama Jannik Sinner 4-6, 6-7 (4), 6-4, 7-6 (3), 7-6 (10-2) pada Ahad, sekali gus mempertahankan kejuaraan Terbuka Perancis, lapor Xinhua.

Dalam perlawanan akhir Terbuka Perancis paling lama pernah direkodkan yang berlangsung lebih lima jam, pemain Sepanyol berusia 22 tahun itu menjadi pemain ketiga sejak tahun 2000 berjaya memenangi gelaran perseorangan lelaki berturut-turut di Roland Garros selepas Rafael Nadal dan Gustavo Kuerten.

Perlawanan akhir perseorangan lelaki Grand Slam itu menyaksikan buat pertama kali dua pemain yang dilahirkan selepas tahun 2000 berentap. Selepas tewas dua set pertama, Alcaraz bangkit semula dengan permainan tenang pada set ketiga, sebelum menyelamatkan tiga mata kejuaraan pada set keempat - sekali gus

memaksa penentuan tie-break yang dimenangnya 7-3. Meneruskan momentum, beliau mematahkan servis awal lawan pada set kelima dan mengesahkan kemenangan menerusi tie-break 10-2.

Bercakap selepas perlawanan, juara bertahan itu berkata kepada lawannya: "Anda bermain pada tahap yang luar biasa. Saya yakin anda akan menjadi juara di sini berkali-kali. Satu penghormatan dapat berkongsi gelanggang dengan anda. Saya sangat gembira dapat mencipta sejarah bersama anda dalam kejohanan ini dan kejohanan lain".

Ini merupakan kekalahan pertama Sinner dalam final Grand Slam. "Lebih mudah untuk bermain daripada bercakap sekarang," kata pemain Itali berusia 23 tahun itu. "Saya tetap gembira dengan trofi naib juara ini. Saya tidak akan tidur lena malam ini, tetapi ia tidak mengapa," tambahnya. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KESELAMATAN MAKANAN MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA